

Laporan  
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR  
**AKNC**





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوْ كُنَّ بِمَنَارًا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2022

**FAKULTI FARMASI**  
JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN  
KESUKARELAWAN

---

**KETUA PTJ :**

ABU BAKAR BIN ABDUL MAJEED

**KETUA UNIT KUALITI :**

NURUL IZZATI BINTI OSMAN

**PENYELARAS :**

AZLINDA BINTI HJ MOHAMAD NOR

**PENULIS :**

1. HISYAM BIN ABDUL HAMID
2. NURUL IZZATI BINTI OSMAN
3. NORKASIHAN BINTI IBRAHIM
4. MUHAMMAD HARITH BIN ZULKIFLI
5. NORAZLINA BINTI AHMAD
6. KHURIAH BINTI ABDUL HAMID
7. MUHAMAD FAIZ BIN OTHMAN

8. NORMALA BINTI ABD LATIP
9. MASHANI BINTI MOHAMAD
10. EZLINA BINTI USIR
11. LIM SIONG MENG
12. AIDA AZLINA BINTI ALI
13. AHMAD FAHIM BIN MOHD DANI
14. ABU BAKAR BIN ABDUL MAJEED
15. ABU BAKAR BIN ABDUL MAJEED

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pengurusan Kanan FF TELAH merangka beberapa **PERANCANGAN** berkaitan jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan dengan memformulasikan Pelan Tindakan Strategik yang dibangunkan berdasarkan sasaran petunjuk prestasi (PI) dan didokumentasikan dalam dokumen Pelan Perancangan Strategik FF 2021-2025 Bil. 5. Perancangan ini dirangka bagi mencapai aspirasi UiTM untuk menjadi “Universiti Terkemuka Dunia” menjelang tahun 2025 dan memenuhi hasrat negara mencapai objektif “Wawasan Kemakmuran Bersama 2030”. Garis panduan yang digunakan dalam merangka Pelan Perancangan Strategik berkaitan adalah berdasarkan Pelan Strategik UiTM 2025, Malaysia Higher Education Blueprint 2015-2025 serta Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020) dan ke-12 (2021-2025).

Hasil daripada perancangan tersebut, Pengurusan Kanan FF TELAH **MELAKSANAKAN** aktiviti-aktiviti yang dirancangan dengan menetapkan EMPAT (4) Pelan Tindakan Strategik utama bagi memenuhi sasaran petunjuk prestasi bidang tumpuan (BT) iaitu Pharma-2-U, ULTRAS (UiTM *Services Alpha Volunteers*), PharmaLead dan *Learned Community*. Aktiviti-aktiviti tersebut merupakan program perkongsian ilmu dan kepakaran yang melibatkan jaringan alumni bersama universiti serta pembudayaan aktiviti kemasyarakatan dan sukarelawan dalam kalangan pelajar dan warga FF. Pemakluman berkenaan aktiviti-aktiviti di bawah Pelan Tindakan Strategik BT ini disebarluaskan di laman web rasmi FF, melalui hebahan emel kepada warga FF dan warga UiTM serta dimuatnaik di media sosial rasmi FF.

Pengurusan Kanan FF TELAH mengambil pendekatan proaktif dengan melaksanakan **PEMANTAUAN** secara berkala terhadap Pelan Tindakan Strategik yang dirancangan. Ini melibatkan pelaporan daripada Timbalan Dekan ICAN (Jaringan Industri, Alumni dan Komuniti) dan Penyelaras Strategik FF dalam setiap Mesyuarat Pengurusan FF dan Mesyuarat Perbincangan Petunjuk Prestasi FF. Pemantauan turut dijalankan mengambilkira laporan dapatan audit, pelaporan aktiviti jaringan alumni, dan penyenaiaan risiko ICAN (Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni) dan HEP (Hal Ehwal Pelajar) di dalam Daftar Risiko FF. Selain itu, peratusan kebolehpasaran graduan turut dijadikan sebagai salah satu Objektif Kualiti FF untuk dipantau secara berkala.

Langkah **PENAMBAHBAIKAN** TELAH dilaksanakan oleh Pengurusan Kanan FF berdasarkan hasil analisa data pemantauan yang TELAH dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat pengurusan seperti Mesyuarat Perbincangan Petunjuk Prestasi FF yang dijalankan pada setiap sukuan tahunan dan Mesyuarat Pengurusan FF. Menerusi perbincangan ini, strategi penambahbaikan bagi petunjuk prestasi FF yang belum tercapai dan pemerksaan petunjuk prestasi FF yang telah mencapai sasaran telah diputuskan untuk tindakan yang bersesuaian. Pemantauan berkala terhadap Objektif Kualiti FF turut menyediakan platform agar peratusan kebolehpasaran alumni dapat disemak dan ditambah baik. Penambahbaikan ini diselaraskan mengikut halatuju universiti berdasarkan objektif dan inisiatif strategik FF. Penambahbaikan berterusan ini bertujuan untuk memastikan setiap objektif dan inisiatif strategik yang disasarkan tercapai dan dibudayakan dengan berkesan.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan Kanan FF telah merancang dan menggunakan pendekatan berikut dalam menggerakkan BT jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan iaitu:

- Strategi jangka panjang FF **TELAH dibangunkan** berdasarkan kepada dokumen **Perancangan Strategik FF 2021-2025 Bil. 5** bagi inisiatif tahun 2021. Maklumat dan data peratusan pencapaian petunjuk prestasi BT bagi tahun yang terdahulu disemak dan dinilai. Melalui semakan, BT didapati tidak mempunyai isu yang memerlukan tindakan korektif yang kritikal. Justeru, langkah pemerkasaan BT diusulkan serta dirangka untuk tahun berikutnya (Bukti 1.1 a).
- Menerusi dokumen Perancangan Strategik FF 2021-2025 Bil. 5, Pelan Tindakan Strategik **Pharma-2-U, ULTRAS (UiTM Services Alpha Volunteers), PharmaLead dan Learned Community** **TELAH dirangka** untuk memperkasakan aktiviti jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan. Melalui Pelan Tindakan Strategik ini, beberapa petunjuk prestasi telah disasarkan seperti perkongsian pengetahuan melalui program pemindahan ilmu (KTP) dan tanggungjawab sosial universiti (USR) (Bukti 1.1 b). Elemen **inovasi dan perkongsian pengetahuan** merupakan perkara yang sangat dititikberatkan. Sebagai contoh, ia **TELAH** diterjemahkan melalui projek penghasilan video dan flipbook "*Common Minor Health Problems in Malaysia*" oleh pelajar FF dan dikongsi bersama Persatuan Penduduk sekitar Bandar Puncak Alam dalam aktiviti kolaborasi FF bersama komuniti (Bukti 1.1 c).
- Pelan Tindakan Strategik di atas **TELAH diformulasikan secara sistematik** dengan mengambil kira **hala tuju dan garis panduan** di peringkat kebangsaan, kementerian, serta universiti. Di antara garis panduan yang digunakan adalah Pelan Strategik UiTM 2025, *Malaysia Higher Education Blueprint 2015-2025* serta Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020) dan ke-12 (2021-2025) selain menyahut seruan kerajaan dalam mencapai objektif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dengan mensasarkan pembangunan untuk semua berpaksikan ilmu (Bukti 1.1 d).

Keempat-empat Pelan Tindakan Strategik Pharma-2-U, ULTRAS, PharmaLead dan *Learned Community* secara dasarnya mensasarkan pembangunan modal insan yang prihatin terhadap keperluan komuniti, memupuk nilai kepimpinan dan membina budaya perkongsian ilmu dalam kalangan pelajar dan warga FF. Penetapan inisiatif strategik ini adalah selari dengan aspirasi UiTM dan agenda nasional seperti berikut (Bukti 1.1 e):

- (1) Mempertingkatkan penghayatan nilai melalui program pengukuhan dan memperkasa jaringan strategik dengan alumni dan industri seperti yang dinyatakan dalam Objektif ke-5 dan ke-8 **Pelan Strategik UiTM 2025**.
- (2) Memperkasakan program pemindahan ilmu (KTP), meningkatkan koordinasi pembangunan pelajar bagi melahirkan modal insan yang holistik dan seimbang melalui penglibatan dalam program akademik, komuniti, industri, sukan dan kebudayaan seperti yang digariskan dalam ***Malaysia Higher Education Blueprint 2015-2025***.
- (3) Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju dengan mempertingkatkan kualiti graduan serta memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera seperti yang dinyatakan dalam Teras Strategik 1 dan 3 **Rancangan Malaysia ke-11**.
- (4) Membangunkan bakat masa hadapan dengan menambahbaik kualiti pendidikan serta pemerkasaan komuniti melalui penambahbaikan literasi dan kesedaran mengenai kesihatan dalam kalangan penduduk seperti yang dinyatakan dalam **Rancangan Malaysia ke-12**.

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan, Pengurusan Kanan FF **TELAH** membuat **perancangan sistematik** terhadap pendekatan dan kaedah bagi menggerakkan BT dengan mengambil kira elemen **inovasi dan perkongsian pengetahuan**.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0046\\_K01\\_KB02\\_20221\\_Bukti 1.1 a - Semakan Pencapaian Bidang Tumpuan Tahun Terdahulu \(PS Bil. 4\).pdf](#)
2. [F0046\\_K01\\_KB02\\_20222\\_Bukti 1.1 b - 3 SAP & Sasaran PI.pdf](#)
3. [F0046\\_K01\\_KB02\\_20223\\_Bukti 1.1 c - Elemen inovasi & perkongsian pengetahuan.pdf](#)
4. [F0046\\_K01\\_KB02\\_20224\\_Bukti 1.1 d -Paparannya garis panduan.pdf](#)
5. [F0046\\_K01\\_KB02\\_20225\\_Bukti 1.1 e - Pemetaan kepada garis panduan.pdf](#)

### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan FF komited dalam melaksanakan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang. **EMPAT (4) Pelan Tindakan Strategik utama** TELAH dirancang berkaitan BT iaitu projek Pharma-2-U, ULTRAS (UiTM Services Alpha Volunteers), PharmaLead dan *Learned Community*. Perancangan projek-projek tersebut mengambil kira keperluan yang telah digariskan dalam memenuhi petunjuk prestasi FF berdasarkan penetapan oleh pihak BTU (Bahagian Transformasi Universiti). Melalui keempat-empat Pelan Tindakan Strategik ini, aktiviti-aktiviti yang melibatkan **khidmat FF kepada komuniti dan penglibatan alumni dalam aktiviti-aktiviti anjuran FF** TELAH dirancang dan dijalankan di bawah penyeliaan Pengarah Program bagi setiap projek yang dilaksanakan (Bukti 1.2 a).

Pelan Tindakan Strategik dan keperluan memenuhi petunjuk prestasi ini TELAH **disebarluas kepada semua warga FF** secara bersistematik melalui Mesyuarat Fakulti, Mesyuarat Pengurusan (Bukti 1.2 b) dan pemakluman Pensejajaran Perancangan Strategik FF di laman web rasmi FF (Bukti 1.2 c). Selain itu, pemakluman turut disebarluas dengan memuatnaik hebahan aktiviti BT melalui emel kepada **seluruh warga UiTM** (Bukti 1.2 d), di laman web dan media sosial seperti laman Facebook Rasmi FF (Bukti 1.2 e). Perluasan hebahan aktiviti-aktiviti BT ini berfungsi sebagai pemakluman dan bertujuan **meningkatkan ketampakan FF** dan meraih penglibatan daripada seluruh pihak yang berpotensi menyertai aktiviti-aktiviti yang dihebahkan.

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik FF yang dirancang TELAH dilaksanakan pada tahap **pelaksanaan yang meluas kepada keseluruhan sistem UiTM**.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_K01\\_KB03\\_20221\\_Bukti 1.2 a - Pelan Perancangan Strategik Bidang Tumpuan.pdf](#)
2. [F0046\\_K01\\_KB03\\_20222\\_Bukti 1.2 b - Pemakluman SAP dalam mesyuarat fakulti.pdf](#)
3. [F0046\\_K01\\_KB03\\_20223\\_Bukti 1.2 c - Dokumen PS di laman web FF.pdf](#)
4. [F0046\\_K01\\_KB03\\_20224\\_Bukti 1.2 d - Emel kepada warga uitm.pdf](#)
5. [F0046\\_K01\\_KB03\\_20225\\_Bukti 1.2 e - Perluasan pemakluman di laman web & media sosial.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pengurusan Kanan FF TELAH **melaksanakan pemantauan berterusan** menerusi beberapa pelan tindakan bagi **mengenalpasti pencapaian** program-program jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan melalui mekanisma pemantauan seperti berikut:

- **Perbincangan dalam Bengkel Perancangan Strategik FF** berhubung pencapaian petunjuk prestasi BT yang terdahulu (Bukti 1.3.1 a).
- Pemantauan berkala pencapaian Pelan Tindakan Strategik oleh Timbalan Dekan (ICAN) dan Penyelaras Perancangan Strategik FF dalam setiap **Mesyuarat Pengurusan FF dan Mesyuarat Perbincangan Petunjuk Prestasi FF** (Bukti 1.3.1 b).
- Pemantauan pencapaian & keberkesanan program berdasarkan **pelaporan aktiviti** yang melibatkan alumni (Bukti 1.3.1 c).
- **Pemantauan berdasarkan dapatan audit**. Walau bagaimanapun, berdasarkan laporan audit pada 2021, tiada sebarang penemuan ketidakpatuhan yang dilaporkan berhubung BT dalam Audit Dalam dan Audit Penilaian Luar (*External Review*) 2021 (Bukti 1.3.1 d).
- **Pemantauan data dan pencapaian Objektif Kualiti** oleh Timbalan Dekan ICAN berkaitan kebolehpasaran graduan (Bukti 1.3.1 e).

Pengurusan Kanan FF TELAH melaksanakan **pemantauan bagi mengenalpasti punca kegagalan** sesuatu inisiatif bagi BT seperti berikut:

- Pengenalpastian punca kegagalan PelanTindakan Strategik BT melalui **perbincangan** berdasarkan pengumpulan dan penganalisaan data dalam **Bengkel Perancangan Strategik FF** yang melibatkan semua ahli pengurusan FF, jawatankuasa berkaitan, kumpulan sasar dan staf senior fakulti yang bertindak sebagai pakar rujuk (Bukti 1.3.1 a).
- **Penyenaraian punca kegagalan atau isu berkaitan** dalam Daftar Risiko FF dan dokumen Perancangan Strategik FF 2021-2025 di mana isu yang dihadapi serta cadangan penambahbaikan bagi setiap petunjuk prestasi dinyatakan (Bukti 1.3.1 a).
- **Pembentangan mengenai isu atau risiko** sesuatu inisiatif dalam Mesyuarat Pengurusan FF yang dipengerusikan oleh Dekan di mana tahap pencapaian setiap Petunjuk Prestasi dilaporkan (Bukti 1.3.1 b) berdasarkan pencapaian bulanan yang dilaporkan oleh Pengarah Program bagi setiap inisiatif.
- **Penetapan sasaran Objektif Kualiti** berkaitan BT dibincangkan dan disemak semula sebagai agenda kaji semula pengurusan (Bukti 1.3.1 e).

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, FF TELAH mengenalpasti pencapaian BT dan mengenalpasti punca kegagalan sesuatu inisiatif bagi BT. FF TELAH melaksanakan pelan pemantauan yang berkesan terhadap objektif dan inisiatif strategik. Data-data pemantauan ini TELAH dikumpul dan dianalisa. Hasil analisa data-data ini TELAH **digunakan untuk penambahbaikan proses** melibatkan kumpulan sasar dan digunakan dalam **kaji semula pengurusan**.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0046\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20221\\_Bukti\\_1.3.1\\_a-Pemantauan\\_Diskusi\\_Bengkel\\_Strategik.pdf](#)
2. [F0046\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20222\\_Bukti\\_1.3.1\\_b-Pemantauan\\_dalam\\_mesyuarat.pdf](#)
3. [F0046\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20223\\_Bukti\\_1.3.1\\_c-Laporan\\_program\\_alumni.pdf](#)
4. [F0046\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20224\\_Bukti\\_1.3.1\\_d-Pemantauan\\_melalui\\_auditi.pdf](#)
5. [F0046\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20225\\_Bukti\\_1.3.1\\_e-Objektif\\_Kualiti\\_ICAN.pdf](#)



#### 1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko-risiko BT TELAH **dikenalpasti** semasa Bengkel Perancangan Strategik FF (Bukti 1.3.2 a).

Risiko pertama melibatkan masalah **sekatan perjalanan** pada 2021 akibat pandemik COVID-19 yang mengakibatkan kesukaran dalam operasi dan pemantauan aktiviti. Risiko ini juga TELAH **dinyatakan dalam Daftar Risiko FF**. Melalui perbincangan dalam **Bengkel Perancangan Strategik FF** dan pengenalanpastian risiko, **FF TELAH mengambil TINDAKAN** dengan beralih kepada “digital transformation” (Bukti 1.3.2 b).

**Tindakan** berkaitan peralihan kepada transformasi digital ini selaras dengan Pelaksanaan Pengoperasian FF semasa PKP (Bukti 1.3.2 c) dan TELAH **dimaklum dan dikongsi kepada warga FF** melalui emel. Sehubungan itu, perbincangan kolaborasi, promosi aktiviti kemasyarakatan serta latihan berkaitan TELAH dijalankan secara atas talian bagi memastikan **kesinambungan operasi** (Bukti 1.3.2 d).

Risiko kedua adalah mengenai **penglibatan alumni yang agak terhad** dalam aktiviti FF yang mana ia telah dinyatakan dalam dokumen Perancangan Strategik FF 2021-2025 Bil. 5 di bawah senarai isu yang dihadapi berkaitan BT. Pengurusan Kanan FF TELAH mengambil tindakan untuk mengatasi isu ini dengan memperkasa jaringan alumni menerusi **hebahan aktiviti FF kepada alumni untuk disertai**. Justeru, berdasarkan tindakan ini, penglibatan alumni telah dapat ditingkatkan dalam aktiviti akademik seperti OSCE, taklimat pembangunan kerjaya dan perkongsian pengetahuan (Bukti 1.3.2 e).

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, Pengurusan Kanan FF bersama Unit Pengurusan Risiko FF **TELAH merancang tindakan pencegahan** risiko BT dengan langkah penyelesaian yang bersesuaian.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20221\\_Bukti 1.3.2 a - Isu yang dihadapi BT.pdf](#)
2. [F0046\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20222\\_Bukti 1.3.2 b - Digital Transformation.pdf](#)
3. [F0046\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20223\\_Bukti 1.3.2 c - Pelaksanaan Pengoperasian semasa PKP.pdf](#)
4. [F0046\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20224\\_Bukti 1.3.2 d- Tindakan- Program & diskusi atas talian.pdf](#)
5. [F0046\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20225\\_Bukti 1.3.2 e - Penglibatan alumni dalam aktiviti FF.pdf](#)

### 1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan FF TELAH **menganalisa** hasil perancangan strategik BT. Hasil penganalisaan ini TELAH digunakan untuk tindakan penambahbaikan. Menerusi Mesyuarat Perbincangan Petunjuk Prestasi FF dan Mesyuarat Pengurusan FF yang dijalankan secara berkala, semua data dan maklumat berkaitan BT TELAH dibentang dan dibincangkan oleh Pengurusan Kanan FF untuk langkah penambahbaikan. Hasil kajian semula telah **mengenalpasti penambahbaikan-penambahbaikan** terhadap hasil perancangan strategik sedia ada bagi BT seperti berikut:

1. **Menganjur dan menyelaras** program jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan yang **berimpak tinggi** (Bukti 1.3.3 a).
2. **Mempergiat aktiviti kolaborasi** antara FF dengan industri, institusi pendidikan dalam dan luar negara, institusi kerajaan dan pemegang taruh (Bukti 1.3.3 b).
3. **Memanfaatkan teknologi digital** dengan menganjurkan pelbagai **program dan aktiviti BT secara atas talian** (Bukti 1.3.3 c).

Penambahbaikan yang telah dikenalpasti di peringkat Pengurusan Kanan FF TELAH **dikongsikan bersama warga FF** melalui hebahan aktiviti-aktiviti BT oleh Ketua Pusat Pengajian, pemakluman menerusi hebahan emel kepada warga FF serta promosi aktiviti di laman web dan media sosial rasmi FF (Bukti 1.3.3 d).

Selaras dengan BT, hasil tindakan terhadap penambahbaikan 1 TELAH meningkatkan prestasi FF dengan kejayaan penyelarasan **program berimpak** tinggi di peringkat kebangsaan seperti penyelarasan Pusat Pemberian Vaksin Mega UiTM Puncak Alam (Bukti 1.3.3 a).

Sementara itu, hasil tindakan terhadap penambahbaikan 2 TELAH meningkatkan prestasi FF dalam aspek **pencapaian kecemerlangan** dengan menganjurkan program jaringan komuniti yang melibatkan penyertaan antarabangsa seperti *IBRO-APRC Associate School of Neuroscience* selain turut menerima pengiktirafan dari pihak institusi (UiTM), jabatan dan disiarkan dalam QS *Global Education News* (Bukti 1.3.3 e).

Manakala hasil tindakan terhadap penambahbaikan 3 TELAH meningkatkan prestasi FF dalam aspek **ketampakan jabatan** dengan penganjuran pelbagai aktiviti BT secara atas talian dan aplikasi teknologi digital seperti penghasilan video dan flipbook untuk perkongsian bersama masyarakat (Bukti 1.3.3 c).

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, Pengurusan Kanan FF TELAH membuat pemantauan terhadap hasil perancangan strategik dan menganalisa data-data pemantauan tersebut. Hasil penganalisaan pemantauan perancangan strategik ini TELAH digunakan bagi tujuan penambahbaikan dan dibincangkan dalam Mesyuarat Perbincangan Petunjuk Prestasi FF dan Mesyuarat Pengurusan FF. Seterusnya perkara ini TELAH **dikongsikan dengan warga FF**.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20221\\_Bukti\\_1.3.3\\_a\\_-\\_Program\\_Kesukarelawanan\\_Berimpak.pdf](#)
2. [F0046\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20222\\_Bukti\\_1.3.3\\_b\\_-\\_Pemeriksaan\\_Kolaborasi\\_FF.pdf](#)
3. [F0046\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20223\\_Bukti\\_1.3.3\\_c\\_-\\_Program\\_atas\\_talian\\_&\\_ketampakan\\_FF.pdf](#)
4. [F0046\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20224\\_Bukti\\_1.3.3\\_d\\_-\\_Hebahan\\_Web\\_dan\\_Media\\_Sosial.pdf](#)
5. [F0046\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20225\\_Bukti\\_1.3.3\\_e\\_-\\_IBRO-APRC\\_Pengiktirafan\\_&\\_Liputan.pdf](#)

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan Kanan FF membudayakan objektif dan inisiatif strategik dengan melaksanakan komunikasi dan hebahan yang berkesan. Melalui **Mesyuarat Fakulti** yang dihadiri oleh semua staf akademik, maklumat berkenaan objektif dan inisiatif strategik dapat disalurkan dan dihebahkan (Bukti 1.4 a).

Pemakluman objektif dan inisiatif strategik serta program-program BT yang dilaksanakan di FF **dihebahkan kepada seluruh warga FF** melalui emel, hebahan dan pemajuan mesej melalui aplikasi komunikasi sosial dan poster-poster perancangan strategik di sekitar premis FF (Bukti 1.4 b). Ini membuktikan komitmen Pengurusan Kanan FF dalam memberi maklum kepada warga FF mengenai hala tuju FF yang selaras dengan aspirasi UiTM. Melalui hebahan ini juga, warga FF dapat didedahkan kepada kepentingan setiap warga dalam memainkan peranan mencapai matlamat Pelan Strategik UiTM 2025.

Selain itu, pemakluman yang lebih meluas mengenai aktiviti-aktiviti yang dirancang turut dilakukan melalui hebahan di **media sosial dan laman web rasmi FF** yang turut boleh diakses oleh semua dan tidak terhad kepada warga FF sahaja (Bukti 1.4 c). Justeru, melalui penggunaan platform maya ini, maklumbalas pelbagai pihak boleh diterima seterusnya menyediakan peluang agar penambahbaikan berterusan dapat dilakukan.

Pengurusan Kanan FF TELAH membuktikan kecemerlangan dalam membudayakan objektif dan inisiatif strategik BT dengan pencapaian cemerlang **100% bagi petunjuk prestasi FF 2021** yang melibatkan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan (Bukti 1.4 d). Komitmen Pengurusan Kanan FF dalam pembudayaan objektif dan inisiatif strategik BT turut dizahirkan dengan pelancaran **Tabung Alumni Prihatin** dan inisiatif penganjuran **Program Sekolah Angkat** yang melibatkan bantuan kewangan untuk murid-murid Sekolah Kebangsaan Puncak Alam 2 yang layak. Selain itu, Pengurusan Kanan FF **mengiktiraf pencapaian** program VIRTUAL IBRO-APRC *Associate School of Neuroscience* yang melibatkan jaringan komuniti peringkat antarabangsa melalui penganugerahan **Anugerah Kualiti** bagi pencapaian Anugerah Kolaborasi Komuniti dan Penjanaan Dana Terbaik 2021 (Bukti 1.4 e).

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang dinyatakan di atas, Pengurusan Kanan FF TELAH membudayakan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang bagi BT dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan untuk dijalankan **sehingga ke peringkat luar UiTM.**

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_K01\\_KB05\\_20221\\_Bukti 1.4 a - Pernyataan PI BT dalam mesyuarat fakulti.pdf](#)
2. [F0046\\_K01\\_KB05\\_20222\\_Bukti 1.4 b- Hebahan kepada warga fakulti.pdf](#)
3. [F0046\\_K01\\_KB05\\_20223\\_Bukti 1.3.2 c - Pelaksanaan Pengoperasian semasa PKP.pdf](#)
4. [F0046\\_K01\\_KB05\\_20224\\_Bukti 1.4 d- Pencapaian PI BT.pdf](#)
5. [F0046\\_K01\\_KB05\\_20225\\_Bukti 1.4 e- Pembudayaan BT oleh Pengurusan Kanan.pdf](#)

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perancangan strategik Fakulti Farmasi adalah berdasarkan Pelan Strategik UiTM 2025 bagi menjadikan UiTM universiti terkemuka dunia dan interpretasi bagi menyahut aspirasi 'Wawasan Kemakmuran Bersama 2030'. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Strategik UiTM TELAH dijadikan panduan dalam menentukan hala tuju strategik FF untuk tahun berikutnya. Justeru, **FF TELAH MERANCANG** pelaksanaan pelan Perancangan Strategik 2021-2025 yang telah digarap dengan berpandukan kepada Pelan Strategik UiTM2025. Dokumen Perancangan Strategik 5 tahun FF ini disempurnakan dalam bengkel Perancangan Strategik FF Bil.4 (2016-2020) yang TELAH diadakan pada 14 hingga 16 Mac 2020. Kemudiannya ditambah baik dalam bengkel Pelan Perancangan Strategik Bil. 5 (2021-2025) yang diadakan pada 23-25 Januari 2022. Pelan Perancangan Strategik ini telah dibukukan dan dikatalog dengan nombor ISBN (ISBN 978-629-96995-0-7) daripada Perpustakaan Negara Malaysia. Antara fokus bengkel yang telah disertai oleh kepimpinan kanan fakulti dan beberapa ahli kumpulan sasar utama (iaitu Timbalan Dekan, Ketua Unit, KPP) ini adalah untuk merangka hala tuju strategik dan tumpuan utama FF bagi jangkamasa lima (5) tahun serta menambahbaik objektif kualiti fakulti. Hasil perancangan strategik tersebut telah dikomunikasikan kepada semua warga fakulti dan Bahagian Transformasi Universiti (BTU).

Selain itu, satu bengkel khas dalam perancangan strategik ini **TELAH MERANCANG EMPAT** (4) Pelan Perancangan Strategik iaitu 1) PHARMA-2-U, 2) UiTM Health Services Alpha Volunteers (ULTRAS), 3) PharmaLead dan 4) *Learned Community* untuk memberi hala tuju yang jelas komitmen FF mencapai sasaran bidang tumpuan dalam jaringan **alumni, komuniti dan kesukarelawan**.

Bagi merealisasikan komitmen FF dalam bidang tumpuan, **FF TELAH MELAKSANAKAN** beberapa projek utama dibawah empat Pelan Perancangan Strategik tersebut dimana setiap projek ini dianggotai seorang Pengurus Projek dan beberapa orang ahli. Setiap projek ini juga dipetakan kepada petunjuk prestasi (PI) yang telah digariskan dalam hala tuju strategik fakulti, selaras dengan PI utama BTU. Sepanjang tahun 2021, pelbagai aktiviti telah dijayakan dengan keterlibatan seluruh warga fakulti dan juga komuniti.

Dari aspek **PEMANTAUAN**, FF memastikan pelaporan berkala secara bulanan bagi kelestarian program terutama dari sudut pelaksanaan dan pencapaian. Pengarah Program bertanggungjawab untuk memuatnaik pencapaian bagi setiap PI untuk dibentangkan secara berkala kepada ahli Mesyuarat Pengurusan Fakulti setiap bulan. Bagi tujuan

**PENAMBAHBAIKAN**, hasil analisa data-data pelaporan telah digunakan untuk perbincangan di mesyuarat-mesyuarat pengurusan, antaranya adalah Mesyuarat Pengurusan Bilangan 04/2021 dan Mesyuarat Perbincangan Petunjuk Prestasi (Bil-2/2021). Di mesyuarat ini, **TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN** dibincangkan bagi PI yang belum dicapai, bahkan langkah pemerkasaan diutarakan untuk PI yang telah dicapai. Menerusi pemantauan ini, langkah penambahbaikan sentiasa dijalankan bagi memastikan setiap sasaran yang digariskan dalam hala tuju strategik dapat dicapai.

## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Selaras dengan bidang tumpuan (BT), **FF TELAH** menekankan strategi jangka panjang yang dibangunkan di PTJ dan diformulasikan berpandukan kepada Perancangan Strategik (PS) 5 Tahun Bil. 4 (2016-2020) untuk inisiatif tahun 2021, dan kemudiannya disemak semula semasa Bengkel PS 5 Tahun Bil. 5 (2021-2025) (Bukti 2.1 a). Bengkel ini TELAH dilaksanakan bagi melaporkan pencapaian BT pada tahun 2021 serta menambah baik inisiatif, strategi dan pendekatan keseluruhan pencapaian strategik amnya dan BT khususnya bagi mencapai objektif dan aspirasi UiTM.

Bagi mencapai perancangan strategik fakulti berkaitan bidang tumpuan, **FF TELAH MELAKSANAKAN PENDEKATAN** perancangan sistematik dengan mengambilkira elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan dengan melaksanakan projek utama dibawah EMPAT (4) *Strategic Action Plan (SAP)* dimana setiap projek ini mempunyai seorang Pengurus Projek dan beberapa orang ahli pasukan. Setiap projek ini juga dipetakan kepada petunjuk prestasi (PI) yang telah digariskan dalam hala tuju strategik fakulti dan selaras dengan petunjuk prestasi (PI) utama BTU (Bukti 2.1 b).

1. Perancangan sistematik TELAH DILAKSANAKAN dengan mengambilkira elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan dengan MELAKSANAKAN 4 Pelan Tindakan Strategik:

- PHARMA-2-U bagi mencapai **objektif** berikut: Combine learning objectives with community service in order to provide a pragmatic, progressive learning experience while meeting societal needs.
- UiTM Health Services Alpha Volunteers (ULTRAS) bagi mencapai **objektif** berikut: To raise students awareness and better understanding of the communities they live in and help them to realize they can make a difference.
- PharmaLead bagi mencapai **objektif** berikut: To prepare students to build confidence and paves the way for future inspirational leaders.
- *Learned Community* bagi mencapai **objektif** berikut: Promoting knowledge transfer activities

2. PENDEKATAN seterusnya adalah dengan mengenalpasti dan mewujudkan Piagam Pelanggan/Objektif berkaitan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kusekarelawan (BUKTI 2.1 c).

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan, FF telah membuat perancangan strategik dengan objektif dan inisiatif yang selaras dengan BT. Perancangan strategik ini TELAH dilaksanakan dengan mengambilkira **elemen inovasi dan perkongsian** pengetahuan melalui beberapa siri mesyuarat petunjuk prestasi, mesyuarat pengurusan serta perbincangan di dalam merangka perancangan strategik yang digarap pada Mesyuarat Pelan Strategik Bil. 4 (2016-2020) yang kemudiannya disemak semula dan inisiatif/strategi BT ditambah baik semasa Bengkel PS 5 Tahun Bil. 5 (2021-2025). Maklumat dan data peratusan pencapaian petunjuk prestasi BT bagi tahun terdahulu (2020) telah disemak dan dinilai. Melalui semakan, BT didapati mencapai 100% sasaran BTU UiTM dan tidak mempunyai isu kritikal yang memerlukan tindakan korektif. Sehubungan itu, langkah pemerkasaan bidang tumpuan telah diusulkan serta dirangka untuk tahun berikutnya. Justeru itu, SAP yang menjurus kepada BT telah ditambah daripada 2 (2020) kepada EMPAT (4) SAP pada tahun 2021 bagi memastikan pembudayaan BT dapat dilaksanakan bukan sahaja di peringkat FF, malahan peringkat UiTM dan seterusnya luar UiTM.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0046\\_P01\\_PB02\\_20221\\_Bukti\\_2.1\\_a - Pendekatan Perancangan Strategik.pdf](#)
2. [F0046\\_P01\\_PB02\\_20222\\_Bukti\\_2.1\\_b - SAP yang dipetakan kepada PI.pdf](#)
3. [F0046\\_P01\\_PB02\\_20223\\_Bukti\\_2.1\\_c - Piagam Pelanggan-Objektif BT.pdf](#)

## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Formulasi objektif dan inisiatif strategik organisasi dibuat dengan mengambil kira hala tuju dan garis panduan di peringkat kebangsaan, kementerian, kerajaan negeri serta universiti. Antara garis panduan yang digunakan adalah Rancangan Malaysia Ke-11, Malaysia Higher Education Blueprint (2016-2020), Shared Prosperity Vision 2030, National Policy on Industry 4.0 dan The Global Goals for Sustainable Development (17 SDG Goals). Garis panduan ini adalah asas kepada perancangan Pelan Strategik FF Bil 4. Dan Bil 5. (Bukti 3.1 a).

Selain itu, bagi memastikan inisiatif strategik organisasi dilaksanakan sejajar dengan aspirasi universiti dan negara, sesi Libat Urus BTU Bersama Pengurusan PTJ: Fakulti Farmasi telah diadakan pada 26 Januari 2021 (Bukti 3.1 b).

FF TELAH MENYERBARLUAS Perancangan Strategik Bidang Tumpuan kepada warga FF secara sistematik melalui Mesyuarat Fakulti (Bukti 3.1 c), Mesyuarat Pengurusan (Bukti 3.1 d) dan pemakluman Pensejajaran Perancangan Strategik FF di laman web rasmi FF (Bukti 3.1 e(i)). Sebagai Langkah tambahan, pemakluman turut disebarluaskan dengan memuatnaik hebahkan aktiviti BT melalui emel kepada seluruh warga UiTM (Bukti 3.1 e(ii)) dan di media sosial seperti laman Facebook Rasmi FF (Bukti 3.1 e (iii)). Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik FF TELAH dibuat selari dengan aspirasi universiti dan negara, yang mana ianya **TELAH berada pada tahap pelaksanaan yang meluas kepada keseluruhan sistem UiTM.**

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_P01\\_PB03\\_20221\\_Bukti 3.1 a - Hala Tuju & Garis Panduan Strategik.pdf](#)
2. [F0046\\_P01\\_PB03\\_20222\\_Bukti 3.1 b - Sesi Libat Urus BTU Bersama Pengurusan PTJ.pdf](#)
3. [F0046\\_P01\\_PB03\\_20223\\_Bukti 3.1 c - Mesyuarat Fakulti Berkenaan BT.pdf](#)
4. [F0046\\_P01\\_PB03\\_20224\\_Bukti 3.1 d - Mesyuarat Pengurusan BT.pdf](#)
5. [F0046\\_P01\\_PB03\\_20225\\_Bukti 3.1 e \(i-iii\) - Medan Perluasan BT.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Perancangan strategik telah disemak semula ketika Bengkel Pelan Strategik Bil. 5 (2021-2025). Semakan terhadap strategi, inisiatif dan pencapaian petunjuk prestasi TELAH melibatkan semua kepimpinan kanan PTJ dan **kumpulan-kumpulan sasaran** termasuk Ketua Pusat Pengajian dan Ketua Unit. Dalam PS tersebut Timbalan Dekan (TD) ICAN dan TD HEP. Kepimpinan kanan dan TD telah membentangkan pencapaian petunjuk prestasi, hasil daripada strategi dan inisiatif yang telah dilaksanakan berdasarkan kepada bidang tumpuan (Bukti 2.3.3 a).

Data pemantauan pencapaian petunjuk prestasi ini TELAH dikumpul dan disahkan oleh pemegang PI bidang tumpuan dan seterusnya dilapor kepada setiap PTJ oleh BTU (Bukti 2.3.1 a). Data pencapaian ini TELAH digunakan dalam perbincangan bagi mencapai keputusan kolektif penyemakan semula inisiatif sedia ada. Ini dilakukan bagi memastikan hasil inisiatif selaras dengan teras strategik universiti.

Pencapaian PI TELAH turut dibincangkan dalam mesyuarat pengurusan yang berkaitan dimana pencapaian PI TELAH menjadi agenda mesyuarat (dipengerusikan oleh Dekan FF) dan **Mesyuarat Perbincangan Petunjuk Prestasi FF** (dipengerusikan oleh Dekan).

FF TELAH menjalankan **PEMANTAUAN** terhadap perancangan dan perluasan SAP dengan menggunakan mekanisma berikut:

1. Mekanisma 1 – **Pemantauan pencapaian & keberkesanan** program berdasarkan pelaporan aktiviti yang melibatkan alumni Pelaporan Alumni, Komuniti Dan Kesukarelawan Tahun 2021 (Bukti 2.3.1 b).
2. Mekanisma 2 - **Pemantauan berkala** pencapaian Pelan Perancangan Strategik oleh Timbalan Dekan (ICAN), Timbalan Dekan HEP dan Penyelaras Perancangan Strategik FF dalam setiap **Mesyuarat Pengurusan FF dan Mesyuarat Perbincangan Petunjuk Prestasi FF** (Bukti 2.3.1 c).
2. Mekanisma 3 - **Pemantauan berdasarkan hasil dapatan audit**. Walau bagaimanapun, berdasarkan laporan audit pada 2021, tiada sebarang penemuan ketidakpatuhan yang dilaporkan berhubung BT dalam Audit Dalam dan Audit Penilaian Luar 2021 (Bukti 2.3.1 d).

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, FF TELAH melaksanakan pelan pemantauan terhadap objektif dan inisiatif strategik yang berkesan. FF juga TELAH melibatkan semua kumpulan sasaran dalam proses perancangan penambahbaikan. Data-data pemantauan ini TELAH dapat di kumpul dan kemudiannya TELAH dianalisa yang mana hasil analisa data-data ini **TELAH digunakan bagi perbincangan di mesyuarat-mesyuarat kaji semula pengurusan**.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0046\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20221\\_Bukti 2.3.3 a - Penambahbaikan BT.pdf](#)
2. [F0046\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20222\\_Bukti 2.3.1a - Pemantauan Petunjuk Prestasi.pdf](#)
3. [F0046\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20223\\_Bukti 2.3.1b - Contoh Pelaporan BT.pdf](#)
4. [F0046\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20224\\_Bukti 2.3.1c - Pemantauan Berkala Melalui Mesyuarat.pdf](#)
5. [F0046\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20225\\_Bukti 2.3.1d - Pemantauan melalui penemuan hasil audit.pdf](#)

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

FF TELAH **MENGENALPASTI RISIKO** yang terlibat dan TELAH didaftarkan dalam Daftar Risiko 2021 FF (2.3.2 a). Templat daftar risiko ini TELAH disebar dan dikomunikasikan kepada warga FF. Disamping itu, cadangan **kawalan risiko** dan **tindakan pencegahan** TELAH dirancang semasa Bengkel Perancangan Strategik FF (Bukti 2.3.2 b).

Risiko pertama yang telah dikenalpasti adalah sekatan perjalanan pada 2021 akibat pandemik Covid-19 yang mengakibatkan kesukaran dalam operasi dan pemantauan aktiviti. Melalui perbincangan dalam Bengkel Perancangan Strategik FF dan pengenalpastian risiko, **FF TELAH MERANCANG TINDAKAN** dengan beralih kepada “digital transformation” (Bukti 2.3.2 c). Tindakan peralihan digital ini selaras dengan Pelaksanaan Pengoperasian FF semasa PKP (Bukti 2.3.2 d) dan TELAH dimaklum dan disebarluaskan kepada warga FF melalui emel. Sehubungan itu, perbincangan kolaborasi, promosi aktiviti kemasyarakatan serta latihan berkaitan telah dijalankan secara atas talian bagi memastikan kesinambungan operasi (Bukti 2.3.2 e).

Risiko kedua adalah mengenai penglibatan alumni yang terbatas dalam aktiviti FF seperti yang TELAH dilaporkan di dalam dokumen Perancangan Strategik FF 2021-2025 Bil. 5 di bawah senarai isu yang dihadapi berkaitan BT. Kepimpinan Kanan FF telah mengambil tindakan untuk mengatasi isu ini dengan memperkasa jaringan alumni menerusi hebahan aktiviti FF kepada alumni untuk disertai.

Justeru, hasil daripada kawalan risiko, penglibatan alumni telah dapat ditingkatkan dalam aktiviti akademik seperti OSCE, taklimat pembangunan kerjaya dan perkongsian pengetahuan. (Bukti 2.3.2 b).

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, Pengurusan Kanan FF bersama Unit Pengurusan Risiko FF TELAH berjaya **merancang tindakan pencegahan risiko** dengan langkah penyelesaian yang bersesuaian. Kejayaan tindakan pengendalian risiko ini dimanifestasikan melalui kejayaan mencapai 100% sasaran Bidang Tumpuan yang di aspirasikan oleh BTU.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20221\\_BUKTI\\_2.3.2 a.pdf](#)
2. [F0046\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20222\\_Bukti 2.3.2 b - Isu yang dihadapi BT.pdf](#)
3. [F0046\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20223\\_Bukti 2.3.2 c- Digital Transformation.pdf](#)
4. [F0046\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20224\\_Bukti 2.3.2 d - Pelaksanaan Pengoperasian semasa PKP.pdf](#)
5. [F0046\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20225\\_Bukti 2.3.2 e- Tindakan- Program & diskusi atas talian.pdf](#)



### 2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FF TELAH menganalisa hasil perancangan strategik yang mana hasilnya TELAH digunakan untuk tindakan penambahbaikan. Perkara ini dibentang dan dibincangkan secara berkala melalui Mesyuarat Pengurusan F Mesyuarat Petunjuk Prestasi (Bukti 2.3.3 a) dan hasil akhir tahun setelah aktiviti pengauditan dijalankan (Bukti 2.3.1 d). Selain itu, hasil laporan prestasi Bidang Tumpuan FF oleh pihak BTU, boleh dirujuk melalui laman sesawang berikut:

1. <https://app.powerbi.com/home>
2. <https://sites.google.com/uitm.edu.my/uitm2025/rakaman-video/video-2021?authuser=0>
3. <https://proms.uitm.edu.my/uitm2025/SitePages/UiTM2025%20Strategic%20Plan%20Landing%20Page.a>

Hasil pencapaian dan maklumat strategi dan penambahbaikan yang dilaporkan, dikaji dan ditambah baik melalui Mesyuarat Fakulti, Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat Petunjuk Prestasi yang TELAH diadakan pada tahun 2021.

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, FF TELAH membuat pemantauan terhadap hasil perancangan strategik. Data dan maklumat hasil pemantauan ini kemudiannya **TELAH dika semula, dianalisa dan dibentangkan kembali kepada pemegang taruh dan warga fakulti**. Proses tadbirurus penambahbaikan ini TELAH dilakukan untuk memastikan kelestarian setiap program dan hasilnya sejajar dengan sasaran Bidang Tumpuan yang di aspirasikan oleh BTU.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20221\\_Bukti 2.3.3 a - Penambahbaikan BT.pdf](#)
2. [F0046\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20222\\_Bukti 2.3.1d - Pemantauan melalui penemuan hasil audit.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pemakluman mengenai hala tuju UiTM dan FF supaya sejajar dengan teras, strategi dan inisiatif yang TELAH dijalankan melalui komunikasi dalam Mesyuarat Fakulti yang dihadiri oleh seluruh warga FF, Mesyuarat Pengurusan yang diadakan secara bulanan dan Mesyuarat Perbincangan Petunjuk Prestasi FF yang diadakan secara sukuan tahun yang dihadiri oleh Kepimpinan Kanan FF.

Di samping itu, objektif komunikasi adalah bertujuan untuk memaklumkan seluruh warga FF akan peranan dan komitmen mereka dalam membantu mencapai matlamat UiTM melalui inisiatif-inisiatif yang telah dibincangkan dalam Pelan Strategik UiTM (Bukti 2.1a). Pemakluman pencapaian strategik terkini Bidang Tumpuan FF dimaklumkan secara bulanan melalui Mesyuarat Fakulti dan secara sukuan tahun melalui Mesyuarat Perbincangan Petunjuk Prestasi.

FF telah berjaya **mewujudkan dan menggalakkan AMALAN dan PEMBUDAYAAN** aspirasi bidang tumpuan berteraskan Alumni, Komuniti Dan Kesukarelawan. Hal ini dibuktikan melalui kecemerlangan program-program yang telah mencapai 100% sasaran seperti yang diperturunkan oleh BTU kepada FF. Pencapaian cemerlang sasaran BT juga menjadi teladan bagi kecemerlangan UiTM apabila PSTU FF telah dijemput untuk berkongsi amalan terbaik PTJ dalam "Sesi Perkongsian Amalan Terbaik (*Best Practice*) Bagi PI di Bawah Peneraju ICAN" dengan seluruh PTJ peringkat UiTM (Bukti 2.4 a).

Selain itu AMALAN dan PEMBUDAYAAN aspirasi Bidang Tumpuan ini telah direalisasikan dengan adanya Hari Kualiti FF sebagai pengiktirafan dan penghargaan terhadap warga FF yang telah menunjukkan PEMBUDAYAAN yang cemerlang di dalam Bidang Tumpuan (Bukti 2.4 b).

Seterusnya, FF TELAH MENYEBARLUAS pencapaian keseluruhan PI serta BT melalui laman Website Rasmi PTJ (<https://pharmacy.uitm.edu.my/>) dan Facebook FF (<https://www.facebook.com/pharmacyuitm/>) TELAH digunakan sebagai platform bagi menyebarkan pemakluman berkenaan sasaran dan pencapaian terkini hasil perancangan strategik serta program-program yang menyokong Pelan Tindakan Strategik diperingkat UiTM dan luar UiTM.

Secara keseluruhannya, segala inisiatif, strategi dan pencapaian FF pada tahun 2021 TELAH dibukukan sebagai Pensejajaran Perancangan Strategik 5 Tahun Fakulti Farmasi Bil 5 (2021-2025) sebagai rujukan warga FF dan sebanyak 5 salinan telah diberikan kepada Perpustakaan Negara Malaysia sebagai simpanan dan rujukan.

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang dinyatakan diatas Kepimpinan Kanan TELAH mengerakkan jabatan di FF untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang bagi bidang tumpuan. Amalan dan Pembudayaan bagi menyokong aspirasi program alumni, komuniti dan kesukarelawan TELAH berjaya dilaksanakan sehingga ke peringkat luar UiTM. Sebagai contoh, penganjuran Virtual IBRO-APRC Associate School of Neuroscience UiTM 2021 (<https://qs-gen.com/virtual-ibro-aprc-associate-school-of-neuroscience-uitm-2021/>) TELAH berjaya membudayakan kecemerlangan BT ke peringkat luar UiTM dan antarabangsa.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_P01\\_PB05\\_20221\\_Bukti\\_2.1\\_a\\_-\\_Pendekatan\\_Perancangan\\_Strategik.pdf](#)
2. [F0046\\_P01\\_PB05\\_20222\\_Bukti\\_2.4\\_a\\_-\\_Pencapaian\\_Bidang\\_Tumpuan.pdf](#)
3. [F0046\\_P01\\_PB05\\_20223\\_Bukti\\_2.4\\_b\\_-\\_Amalan\\_Pembudayaan.pdf](#)
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelanggan FF terdiri daripada pelanggan dalaman dan luaran. **Pelanggan dalaman FF** adalah Staf dan Pelajar FF, manakala **Pelanggan Luaran FF** adalah Pelajar dan Staf Luar FF, Alumni, Ibu Bapa Pelajar, Masyarakat, Komuniti, Industri, Kerajaan, Syarikat Pembekal, Rakan Kongsi dan Usahasama. **Pelanggan utama BT** adalah staf, pelajar, alumni dan komuniti.

Pengurusan FF TELAH menitik beratkan kepuasan semua Pelanggan FF dalam penyampaian perkhidmatan dan pelaksanaan BT. Oleh itu, FF TELAH memastikan **PERANCANGAN** program BT adalah **sistematik** iaitu **selari dengan Pelan Perancangan Strategik FF 2021-2025 Bil. 5** yang TELAH dirangka berdasarkan garis panduan diperingkat **universiti** (Pelan Strategik UiTM 2025), peringkat **kementerian** (Malaysia Higher Education Blueprint 2015-2025) dan peringkat **kebangsaan** [Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020) dan ke-12 (2021-2025)], termasuklah Aspirasi UiTM untuk menjadi Universiti Terkemuka Dunia menjelang tahun 2025 dan hasrat negara untuk mencapai objektif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Dengan ini, FF TELAH **MERANCANG** EMPAT (4) Pelan Perancangan Strategik (PPS) iaitu Pharma-2-U, ULTRAS (UiTM Services Alpha Volunteers), PharmaLead dan *Learned Community* bagi memperkasa BT.

Bagi merealisasikan PPS berkenaan, FF TELAH **MELAKSANAKAN** program-program perkongsian ilmu, komuniti dan kesukarelawan selaras dengan BT. Elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan amat dititikberatkan semasa melaksana program BT. Untuk ini, data-data pelanggan FF, contohnya alumni, TELAH dikumpul, disimpan dan dikenalpasti kepakaran mereka. Bagi Pihak pengurusan FF TELAH melibatkan kumpulan sasar secara menyeluruh iaitu staf, pelajar UiTM, Alumni dan Komuniti dikeseluruhan UiTM mahupun antarabangsa untuk melaksanakan BT.

**PEMANTAUAN** keberkesanan pelaksanaan program BT TELAH dinilai secara berterusan melalui maklumbalas pelanggan terhadap program yang dinyatakan di Laporan Program selain penggunaan efektif aplikasi sistem SMART. Pelbagai saluran lain aduan dan maklum balas pelanggan TELAH dikenalpasti. Kini FF mempunyai TIGA (3) moderator sistem e-aduan yang TELAH bertindak kepada maklum balas dan aduan pelanggan yang mana ianya TELAH dikumpul, dianalisa dan dikongsi kepada warga FF melalui perbincangan di mesyuarat berkaitan di FF. Bagi memperkasa sistem pengurusan yang berkualiti, audit dalam TELAH diadakan sekali setahun di FF.

Risiko berkaitan pelanggan FF yang boleh menjejaskan pelaksanaan pencapaian program BT TELAH dikenalpasti dan TINDAKAN PENCEGAHAN bagi tujuan **PENAMBAHBAIKAN** TELAH dirancang untuk mendapatkan langkah-langkah penyelesaian yang sesuai dan praktikal. Risiko ketara yang pertama adalah perubahan kepada norma kerja yang mana ianya menyebabkan individu tidak dapat hadir secara fizikal semasa program diadakan di FF. Ini adalah kerana sekatan perjalanan akibat pandemik COVID-19 pada tahun 2021. Untuk ini, penambahbaikan yang dirancang FF adalah melaksanakan program BT secara transformasi digital. Seterusnya, risiko kedua adalah daripada aspek kekurangan bilangan alumni yang melibatkan diri untuk berkongsi sumber dan kepakaran dalam program BT anjuran FF. Untuk ini contact tracing melalui survey alumni TELAH dipergiatkan.

Bagi program BT berskala besar, data-data pemantauan TELAH dikumpul secara SISTEMATIK, TELAH dianalisa secara berkesan dan TELAH digunakan bagi tujuan perbincangan di mesyuarat *post-mortem* program bagi mengenalpasti isu berbangkit dan **PENAMBAHBAIKAN** yang perlu dilakukan pada masa yang akan datang.

Transformasi digital dan peningkatan penglibatan alumni semasa melaksanakan program-program BT di FF adalah antara tindakan PENAMBAIKAN yang TELAH dilaksanakan oleh FF secara berkesan. Pembudayaan program-program BT virtual dan perkongsian

kepakaran lebih lanjut dalam hal ini. TETAP dapat diikat sehingga menghasilkan pencapaian program-program BT yang bertaraf antarabangsa.

### 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelanggan FF TELAH di kategorikan kepada Pelanggan Dalam, Pelanggan Luaran FF dan Pelanggan Utama BT. **Kumpulan sasar bagi BT** adalah merujuk kepada **Pelanggan Utama BT** sepertimana yang diterangkan dalam Bukti 3.1

FF TELAH membuat **PERANCANGAN** yang **sistematik** semasa membangunkan program-program berkaitan BT yang melibatkan pelanggan utama BT iaitu Staf, Pelajar, Alumni dan Komuniti agar ianya selari dengan:

1. Pelan Perancangan Strategik FF 2021-2025 Bil. 5 TELAH **dirangka** secara **sistematik** berdasarkan garis panduan di peringkat **universiti** (Pelan Strategik UiTM 2025), peringkat **kementerian** (Malaysia Higher Education Blueprint 2015-2025) dan peringkat **kebangsaan** [Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020) dan ke-12 (2021-2025)] (Bukti 3.1 b)
2. Aspirasi UiTM untuk menjadi Universiti Terkemuka Dunia menjelang tahun 2025
3. Hasrat negara mencapai objektif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030

Selari dengan BT dan berdasarkan garis panduan di atas, FF TELAH memfokuskan pelanggan utama BT kepada EMPAT (4) Pelan Perancangan Strategik FF iaitu iaitu Pharma-2-U, ULTRAS (UiTM Services Alpha Volunteers), PharmaLead dan *Learned Community* untuk memperkasakan aktiviti jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan (Bukti 3.1 c). Program-program FF yang mendokong EMPAT (4) Pelan Perancangan Strategik FF TELAH melibatkan pelanggan-pelanggan BT secara komprehensif. Program-program ini merangkumi aktiviti perkongsian ilmu kepakaran alumni, aktiviti kemasyarakatan, dan aktiviti kesukarelawanan di kalangan pelajar, warga FF, universiti dan komuniti (Bukti 3.1 d).

Elemen **INOVASI** adalah pemangkin kepada percambahan ilmu dan kemahiran, manakala **PERKONGSIAN PENGETAHUAN** adalah platform penyebaran ilmu. Oleh itu perancangan terhadap pelanggan BT TELAH menekankan elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan. Sebagai contoh pelajar TELAH mengadakan sesi perkongsian pengetahuan berkaitan dengan *Common Minor Health Problems in Malaysia* bersama-sama dengan komuniti setempat di Bandar Puncak Alam menggunakan inovasi digital video dan *flipbook* (Bukti 3.1 e).

**Kesimpulan:** Berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, FF TELAH **mengenalpasti kumpulan sasar/pelanggan BT**. Perancangan terhadap pelanggan BT TELAH dibuat secara **sistematik** setelah berpandukan kepada garis panduan diperingkat universiti, kementerian dan kebangsaan yang mana **elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan** TELAH dititikberatkan.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0046\\_T01\\_TB02\\_20221\\_Bukti-3.1 a.pdf](#)
2. [F0046\\_T01\\_TB02\\_20222\\_Bukti-3.1 b.pdf](#)
3. [F0046\\_T01\\_TB02\\_20223\\_Bukti-3.1 c.pdf](#)
4. [F0046\\_T01\\_TB02\\_20224\\_Bukti-3.1 d.pdf](#)
5. [F0046\\_T01\\_TB02\\_20225\\_Bukti-3.1 e.pdf](#)

### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

#### **Mekanisma data pelanggan BT dikumpul, disimpan dan dikenalpasti di FF:**

Timbalan Dekan ICAEN FF TELAH melaksanakan tugasnya dengan cemerlang selaras dengan pernyataan disurat lantikan (Bukti 3.2 a-1) dan fail meja (Bukti 3.2 a-2) bagi mengurus data-data pelanggan BT FF. Spesifik kepada alumni, TD ICEAN TELAH mengadakan *survey* tahunan bagi tujuan *contact tracing*. Melalui *survey form*, maklumat terkini alumni TELAH dikumpul dan Kepakaran alumni FF TELAH dikenalpasti (Bukti 3.2 a-3). Data-data alumni ini TELAH disimpan dalam format pelaporan **MS excell sheet** (Bukti 3.2 a-4). Data-data pelanggan BT TELAH di muatnaik ke dalam sistem SMART. Ianya TELAH dikemaskini dari masa ke semasa (Bukti 3.2 a-5).

Pengumpulan dan penyimpanan data-data pelanggan utama BT TELAH diurus secara sistematik oleh Unit PJI, ICAN, HEP, HEA, Unit Korporat, Unit Pengurusan Kualiti dan Bahagian Pentadbiran bagi tujuan rujukan dan penambahbaikan. Data-data pelanggan TELAH disimpan sama ada melalui kaedah laporan dan borang kaji selidik. Data-data pelanggan TELAH dikumpul daripada minit-minit mesyuarat berkaitan, kertas cadangan program, maklum balas program dan laporan program (Bukti 3.2 b).

#### **Perlaksanaan program-program BT oleh FF TELAH melibatkan kumpulan sasar iaitu Staf, Pelajar, Alumni dan Komuniti secara berikut**

1. FF TELAH melibatkan staf, pelajar, alumni dan komuniti dalam **program kesukarelawan untuk kemaslahatan komuniti setempat dan sejagat**. Program-program kesukarelawan TELAH memberi impak terhadap komuniti setempat seperti Pharmacy Community Outreach Programme (PHARMACORE) 2021 (Bukti 3.2 c-1), Virtual Inspired Pharmacy Programme 2021 (VIPP 2021) (Bukti 3.2 c-2), PPV Mega UiTM (Bukti 3.2 c-3) dan Program Pelajar Angkat Sekolah Kebangsaan Puncak Alam (2) (Bukti 3.2 c-4)
2. FF TELAH melibatkan staf, pelajar, alumni dan komuniti untuk meningkatkan kepakaran dan visibiliti FF dan UiTM diperingkat global melalui **program webinar**. Para **alumni FF TELAH memberi ceramah** yang mana ini TELAH menaikkan nama FF kepada penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan dan universiti luar (Bukti 3.2 c-5). **Para alumni turut memberikan pendedahan kepada pelajar** tahun akhir FF mengenai kerjaya dalam bidang farmasi di dalam Program Finishing School 2021 (Bukti 3.2 c-6).
3. Staf FF, komuniti neurosaintis tempatan dan antarabangsa, dan IBRO TELAH **bekerjasama secara erat bagi menyediakan latihan, isi kandungan ceramah dan seminar yang berkualiti tinggi** di program IBRO-APRC Associate School of Neuroscience UiTM 2021 (Bukti 3.2 d-1).
4. FF TELAH melibatkan staf dan pelajar FF dalam menyokong promosi Tourism Malaysia. Staf FF TELAH **memberikan pendedahan kepada peserta tempatan dan antarabangsa mengenai budaya setempat** menerusi pertunjukan memasak makanan tempatan oleh staf FF sendiri, selain dari lawatan maya ke beberapa tempat menarik di Malaysia (Bukti 3.2 d-2).
5. FF TELAH melibatkan staf, pelajar, alumni dan komuniti untuk membantu **meningkatkan sumber ekonomi peserta program komuniti setempat** melalui Program "Pelajar Angkat" Sekolah Kebangsaan Puncak Alam (2) (Bukti 3.2 e-1). Selain itu FF TELAH memanfaatkan Tabung RM5 Alumni Fakulti Farmasi UiTM dengan menggunakan wang tabung berkenaan untuk **membantu pelajar yang terkesan dengan banjir** (Bukti 3.2 e-2).

**Kesimpulannya:** Berdasarkan bukti-bukti yang dinyatakan di atas, data pelanggan FF TELAH dikumpul, disimpan dan dikenalpasti. Pihak pengurusan **TELAH melibatkan kumpulan sasar** iaitu staf dan pelajar UiTM, Alumni dan Komuniti dalam pelaksanaan BT, yang mana pelaksanaan BT TELAH melibatkan **keseluruhan UiTM mahupun antarabangsa**.

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_T01\\_TB03\\_20221\\_Bukti-3.2 a.pdf](#)
2. [F0046\\_T01\\_TB03\\_20222\\_Bukti-3.2 b.pdf](#)
3. [F0046\\_T01\\_TB03\\_20223\\_Bukti-3.2 c.pdf](#)
4. [F0046\\_T01\\_TB03\\_20224\\_Bukti-3.2 d.pdf](#)
5. [F0046\\_T01\\_TB03\\_20225\\_Bukti-3.2 e.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

**MEKANISMA PEMANTAUAN** keberkesanan program BT dinilai melalui borang maklumbalas program dan Laporan Program (Bukti 3.3.1 a-1). Bagi program berskala besar, data-data pemantauan TELAH **dikumpul** secara **sistematik**, TELAH **dianalisa** secara berkesan dan TELAH **digunakan bagi tujuan perbincangan di mesyuarat *post-mortem*** bagi mengenalpasti isu berbangkit (Bukti 3.3.1 a-2).

#### **Kebaikan Dan Ganjaran Yang Diperolehi Oleh Pelanggan FF Hasil Daripada Perlaksanaan BT:**

1. Peningkatan Kepakaran dan peningkatan visibiliti FF dan UiTM diperingkat global melalui webinar (Bukti 3.3.1 b-1) dan IBRO-APRC Associate School of Neuroscience UiTM 2021 (Bukti 3.3.1 b)
2. Peningkatan Kemahiran Digital melalui penghasilan video dan flipbook oleh pelajar-pelajar (Bukti 3.3.1 b-3)
3. Peningkatan Sumber Ekonomi peserta program komuniti setempat:
  - a) Bantuan bulanan kepada pelajar-pelajar melalui Program “Pelajar Angkat” Sekolah Kebangsaan Puncak Alam (2) (Bukti 3.3.1 c-1).
  - b) Tabung RM5 Alumni FF UiTM TELAH digunakan untuk membantu pelajar yang terkesan dengan banjir (Bukti 3.3.1 c-2).
4. Perolehan (ganjaran dana dan sumbangan) dari pelaksanaan BT:
  - a) Aafiyat Holdings TELAH menyumbang 5500 produk Olive House bernilai RM 300,000 sebagai cenderahati bagi menghargai para petugas dan penerima vaksin di PPV Mega UiTM Puncak Alam (Bukti 3.3.1 d-1). Sumbangan turut diperolehi daripada:
    - OHR Marketing Sdn. Bhd. (RM 300,000) (Bukti 3.3.1 d-2)
    - Guardian Health And Beauty Sdn. Bhd. (RM 16,280.00) (Bukti 3.3.1 d-3)
    - DUOPHARMA Consumer Healthcare Sdn. Bhd. (RM 12,000) (Bukti 3.3.1 d-4)
  - b) Perolehan dana antarabangsa daripada International Brain Research Organisation (IBRO) sebanyak RM 41,300 (USD10,000) (Bukti 3.3.1 d-5)
5. Pengiktirafan dari pelbagai pihak
  - a) Penganjuran IBRO-APRC Associate School of Neuroscience UiTM 2021 TELAH membantu FF merangkul tempat pertama bagi projek kolaborasi komuniti bagi penajaan dana terbaik dalam Anugerah MeTIC 11/2022. FF TELAH dapat mengekalkan kedudukan dalam QS World University Ranking 2021 bagi subjek pharmacy and pharmacology (QS-WUR) 2021 (Bukti 3.3.1 e-1).
  - b) PPV UiTM ketika awal pengoperasiannya telah dikunjungi oleh pelbagai pihak sebagai rujukan dan *benchmark* (Bukti 3.3.1 e-2).

**Kesimpulan: Hasil PEMANTAUAN** yang telah diperolehi melalui maklum balas Laporan Program **TELAH digunakan untuk kaji semula pengurusan** dimesyuarat *post-mortem* program bagi tujuan mengenalpasti penambahbaikan yang perlu dilakukan pada masa yang akan datang.

#### **SENARAI BUKTI:**



1. [F0046\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20221\\_Bukti-3.3.1 a.pdf](#)
2. [F0046\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20222\\_Bukti-3.3.1 b.pdf](#)
3. [F0046\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20223\\_Bukti-3.3.1 c.pdf](#)
4. [F0046\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20224\\_Bukti-3.3.1 d.pdf](#)
5. [F0046\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20225\\_Bukti-3.3.1 e.pdf](#)

### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

FF melalui Unit Pengurusan Risiko TELAH mengenapasti risiko-risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian maklum balas pelanggan BT. Ianya adalah seperti berikut:

1. Risiko pertama adalah perubahan kepada norma kerja yang mana ianya menyebabkan individu tidak dapat hadir secara fizikal semasa program di FF. Ini adalah kerana sekatan perjalanan yang telah ditetapkan oleh kerajaan akibat pandemik COVID-19.
2. Risiko kedua adalah dari aspek kekurangan bilangan alumni yang melibatkan diri dalam program-program anjuran FF.

Di FF, pengurusan risiko di atas TELAH dilaksanakan mengikut langkah-langkah yang berikut:

1. Risiko-risiko berkenaan TELAH dibincangkan di dalam Bengkel Perancangan Strategik FF (Bukti 3.3.2 a).
2. FF kemudiannya TELAH merancang dan mengambil **TINDAKAN PENCEGAHAN** terhadap risiko-risiko yang telah dikenalpasti
  - a. **Risiko pertama:** Strategi pelaksanaan program daripada bersemuka secara fizikal kepada pelaksanaan program secara virtual yang melibatkan *digital transformation* (Bukti 3.3.2 b). Sehubungan itu, perbincangan kolaborasi, promosi aktiviti kemasyarakatan serta latihan berkaitan TELAH **dijalankan secara atas talian bagi memastikan kesinambungan operasi** (Bukti 3.3.2 c)
  - b. **Risiko kedua:** Strategi untuk meningkatkan penglibatan alumni di dalam aktiviti FF dengan pembentukan jaringan alumni yang lebih mantap. Untuk ini TD ICEAN TELAH mengadakan *survey* tahunan bagi tujuan *contact tracing*. Melalui *survey form* yang diedar, maklumat terkini alumni TELAH dikumpul dan Kepakaran alumni FF TELAH dikenalpasti (Bukti 3.3.2 d-1). Data-data alumni ini TELAH disimpan dalam format pelaporan MS excell sheet (Bukti 3.3.2 d-2) dan TELAH di muatnaik dan dikemaskini ke dalam sistem SMART (Bukti 3.3.2 d-3). **Penglibatan alumni TELAH dapat dipertingkatkan dalam program-program BT** (Bukti 3.3.2 e)

**Kesimpulan:** Berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, Pengurusan Kanan FF bersama Unit Pengurusan Risiko FF **TELAH merancang tindakan pencegahan** risiko BT dengan langkah penyelesaian yang bersesuaian.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20221\\_Bukti-3.3.2 a.pdf](#)
2. [F0046\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20222\\_Bukti-3.3.2 b.pdf](#)
3. [F0046\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20223\\_Bukti-3.3.2 c.pdf](#)
4. [F0046\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20224\\_Bukti-3.3.2 d.pdf](#)
5. [F0046\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20225\\_Bukti-3.3.2 e.pdf](#)

### 3.4.3 MENGENALPASTI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

**Pengurusan FF bertindak kepada maklum balas dan aduan pelanggan secara berikut:**

FF TELAH membuat **PEMANTAUAN** dan mengambil **TINDAKAN** ke atas maklum balas dan aduan pelanggan bagi memastikan penambahbaikan pelaksanaan inisiatif strategik BT dapat dilakukan bagi meningkatkan kepuasan hati pelanggan FF. **MEKANISMA PEMANTAUAN dan TINDAKAN** terhadap maklum balas dan aduan pelanggan adalah seperti berikut:

FF TELAH mewujudkan **Jawatankuasa Unit Pengurusan Kualiti (AKADEMIK) FF dan Jawatankuasa Unit Pengurusan Kualiti (PENTADBIRAN) FF** untuk mengurus aduan dan maklum balas pelanggan bagi meningkatkan sistem pengurusan di FF (Bukti 3.3.3 a).

FF kini TELAH mempunyai seramai **TIGA (3) moderator sistem e-aduan FF** yang bertanggungjawab untuk 1. mengenalpasti jenis aduan, 2. mengendalikan aduan sehingga ke tahap SELESAI dalam tempoh TIGA (3) hari waktu bekerja dan 3. menjana laporan maklumbalas pelanggan / aduan daripada sistem aduan rasmi universiti (Bukti 3.3.3 b).

FF TELAH **mengenalpasti saluran penerimaan maklum balas dan aduan pelanggan**. Pada tahun 2021, sebanyak EMPAT (4) aduan yang TELAH diterima melalui saluran WhatsApp (3 aduan) dan emel (1 aduan) (Bukti 3.3.3 c).

FF TELAH **MEMANTAU** pengendalian maklum balas dan aduan pelanggan di FF melalui **audit dalam** Bil 1/2021. Hasil audit TELAH menemui SATU (1) penemuan berkaitan dengan Aduan Maklum Balas Pelanggan. Langkah penambahbaikan telah diambil oleh pegawai yang berkenaan dimana bahagian (Bukti 3.3.3 d).

FF TELAH **MEMANTAU** keberkesanan program-program berkaitan bidang tumpuan (BT) melalui aplikasi sistem e-SMART. Maklumat di SMART merangkumi *output* program yang mana disinilah Laporan Program TELAH dimuat naik (Bukti 3.3.3 e-1). Maklum balas dan aduan pelanggan berkenaan dengan keberkesanan program TELAH dapat dikumpul daripada Laporan Program (Bukti 3.3.3 e-2)

Melalui mekanisma pemantauan ini, data-data pemantauan TELAH **dikumpul secara sistematik** dan **dianalisa** secara berkesan dan TELAH **digunakan bagi tujuan perbincangan di mesyuarat-mesyuarat** berikut:

1. Mesyuarat Jawatankuasa Unit Pengurusan Kualiti (AKADEMIK dan PENTADBIRAN)
2. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)
3. Mesyuarat Pemantauan (*post-mortem*) Program-program BT (Bukti 3.3.3 e-3).

**Kesimpulan:** Berdasarkan bukti-bukti yang TELAH dinyatakan di atas, FF TELAH bertindak kepada maklum balas dan aduan pelanggan. Maklum balas dan aduan pelanggan TELAH **dikumpul, di analisa dan dikongsi kepada warga FF** melalui perbincangan di mesyuarat yang telah disebutkan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20221\\_Bukti-3.3.3- a.pdf](#)
2. [F0046\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20222\\_Bukti-3.3.3- b.pdf](#)
3. [F0046\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20223\\_Bukti-3.3.3- c.pdf](#)
4. [F0046\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20224\\_Bukti-3.3.3-d.pdf](#)
5. [F0046\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20225\\_Bukti-3.3.3-e.pdf](#)

### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

**Tahap pembudayaan yang terhasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan bagi BT** diterangkan seperti berikut:

**Tindakan PENAMBAHBAIKAN** yang **TELAH dilaksanakan** bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program BT menurut Dokumen Perancangan Strategik FF 2021-2025, Bil. 5 adalah:

- a. Strategi peralihan pelaksanaan program-program BT daripada bersemuka secara fizikal kepada pelaksanaan program secara virtual yang mana ini melibatkan *digital transformation* (Bukti 3.4 a)
- b. Strategi untuk menambah penglibatan alumni untuk melibatkan diri dalam program-program BT di FF. Oleh itu, *survey* tahunan untuk *contact tracing* alumni TELAH dipergiatkan (Bukti 3.4 a)

**Tahap PEMBUDAYAAN yang terhasil daripada keberkesanan tindakan PENAMBAHBAIKAN** bagi BT adalah seperti berikut:

Menyahut kepada penambahbaikan *digital transformation*, FF dengan ini TELAH dapat **MEMBUDAYAKAN program-program bersifat virtual yang berimpak tinggi**. Pelaksanaan program secara virtual TELAH memudahkan komunikasi pihak FF dengan kolaborator antarabangsa terutama di situasi pandemik COVID-19. Oleh terdapat lebih banyak program-program bertaraf antarabangsa TELAH dapat dilaksanakan yang mana lebih ramai peserta dari luar negara TELAH melibatkan diri dalam program-program yang diadakan (Bukti 3.4 b-1 dan 3.4 b-2). Secara tidak langsung promosi *tourism* Malaysia dapat dilakukan dengan mudah dan berkesan (Bukti 3.4 c).

Aplikasi digital semasa pelaksanaan program BT dapat menjimatkan kos dalam pelbagai aspek (eg: tiada kos pengangkutan pergi balik individu ke tempat program diadakan, tiada sewaan infrastruktur). Oleh itu peluang untuk menjana lebih pendapatan adalah amat tinggi. Contohnya, penganjuran IBRO-APRC Associate School of Neuroscience UiTM 2021 TELAH melonjakkan FF untuk merangkul tempat pertama bagi projek kolaborasi komuniti kategori penajaan dana terbaik dalam Anugerah MeTIC 11/2022 (Bukti 3.4 d). Justeru, hasil program berimpak tinggi yang dilaksanakan FF ini TELAH memberikan reputasi yang baik dikalangan komuniti saintis tempatan dan antarabangsa, hal ini terbukti apabila FF TELAH berjaya mengekalkan kedudukan dalam QS World University Ranking 2021 bagi subjek farmasi and farmakologi (QS-WUR) 2021 (Bukti 3.4 d).

Selain itu aplikasi digital memberi peluang kepada pelajar-pelajar FF untuk berinovasi melalui penghasilan digital video dan *flipbook* yang TELAH mereka gunakan sebagai medium untuk berkongsi pengetahuan dengan komuniti setempat (Bukti 3.4 e).

Menyahut kepada penambahbaikan untuk menambah penglibatan alumni dalam program-program BT secara mempergiat *contact tracing* alumni, FF TELAH dapat **MEMBUDAYAKAN penglibatan ramai alumni di program-program BT**. FF TELAH menyaksikan lebih ramai alumni yang TELAH berkongsi kepakaran bersama-sama dengan pelajar FF dan komuniti setempat mahupun antarabangsa. Penglibatan lebih ramai alumni dalam program di FF TELAH dapat diperkasa melalui rancangan program-program yang diadakan pada tahun 2021 di FF. Perkongsian kepakaran alumni FF TELAH dapat diBUDAYAKAN bukan sahaja diperingkat **keseluruhan UiTM**, malahan diperingkat **antarabangsa** dan diterjemahkan oleh pencapaian program yang TELAH dapat meningkatkan visibiliti FF di mata dunia (Bukti 3.4 b-2).

**Kesimpulan:** *Digital transformation* dan peningkatan penglibatan alumni semasa melaksanakan program-program BT adalah antara tindakan penambahbaikan yang TELAH dilaksanakan oleh FF dengan berkesan. Program-program BT yang bersifat virtual dan melibatkan lebih ramai alumni TELAH menjadi **AMALAN DAN PEMBUDAYAAN** bukan sahaja

apeningkat keberagaman CRM, melalui peningkatan antarabangsa sehingga meningkatkan pencapaian program-program BT yang bertaraf antarabangsa.

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_T01\\_TB05\\_20221\\_Bukti-3.4 a.pdf](#)
2. [F0046\\_T01\\_TB05\\_20222\\_Bukti-3.4 b.pdf](#)
3. [F0046\\_T01\\_TB05\\_20223\\_Bukti-3.4 c.pdf](#)
4. [F0046\\_T01\\_TB05\\_20224\\_Bukti-3.4 d.pdf](#)
5. [F0046\\_T01\\_TB05\\_20225\\_Bukti-3.4 e.pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Farmasi, UiTM (FF) sentiasa mengaplikasikan mekanisma pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan sebagai amalan berterusan yang dinamik selaras dengan situasi semasa. Justeru, FF telah mengambil langkah proaktif dan dinamik bagi memastikan pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan berkaitan bidang tumpuan (BT) sejajar dengan Objektif Strategik yang telah ditetapkan dalam Pensejajaran Perancangan Strategik 5 Tahun Fakulti Farmasi 2020-2025.

Inisiatif khusus bagi bidang tumpuan berteraskan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan TELAH DIJALANKAN melalui program-program dibawah Pelan Perancangan Strategik iaitu 1) PHARMA-2-U, 2) UiTM Health Services Alpha Volunteers (ULTRAS), 3) PharmaLead dan 4) Learned Community. Rangka pelaksanaan TELAH digarap dalam kumpulan penggerak yang diketuai oleh pengurus projek. Kertas kerja berkaitan projek dalam berkaitan bidang tumpuan berkenaan program dibentangkan pula di Mesyuarat Pengurusan FF bagi tujuan penambahbaikan.

Pengukuran Objektif Strategik (OS) dan Pengukuran Objektif Kualiti (OK) TELAH DILAKSANAKAN dimana data akan dikumpul, dianalisa dan dilaporkan secara berkala. Data berkaitan diperolehi dari borang maklumbalas program, laporan program dan verifikasi di sistem SMART dan NILAM dalam mesyuarat. Kesemua aktiviti alumni, komuniti dan kesukarelawanan dipantau dan dilaporkan mengikut pengukuran yang telah ditetapkan. Pelbagai mekanisma pemantauan telah digunakan untuk memastikan setiap perancangan untuk mencapai KPI serta perancangan strategik dilaksanakan mengikut jadual.

Risiko bagi kriteria Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan telah dikenalpasti semasa membuat perancangan untuk tindakan pencegahan.

Tindakan Penambahbaikan melibatkan kajian semula dari semua data hasil yang sedia ada. Perbincangan ini dibuat secara berterusan berdasarkan keperluan dan dirumuskan pada setiap tahun berakhir. Semua maklumat dan data berkaitan bidang tumpuan ini sentiasa dikemaskini dan dikongsi bersemua semua pemegang taruh FF. Ini secara tidak langsung telah mewujudkan pembudayaan aktiviti berkaitan alumni, komuniti dan kesukarelawanan oleh semua warga FF untuk bekerjasama melestarikan budaya kecemerlangan di Fakulti ini.

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FF TELAH menjalankan pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan bagi setiap program berkaitan dengan alumni, komuniti dan kesukarelawan yang dijalankan berdasarkan kerangka:

- Objektif Strategik yang telah ditetapkan dalam Pensejajaran Perancangan Strategik 5 Tahun Fakulti Farmasi 2020-2025 (Bukti 4.2.a).
- Objektif Kualiti Fakulti 2021 (Bukti 4.2.b). Objektif Kualiti FF, Objektif 8 menyasarkan kepada pemerkasaan jaringan strategik bersama alumni dan industri. Objektif ini secara khususnya memastikan kelestarian program anjuran FF dengan penglibatan alumni.

Bagi merencanakan keterlibatan alumni dalam projek sinergi dengan pelajar, komuniti dan program-program kesukarelawan, elemen-elemen tersebut telah dirancangan dari awal untuk diasimilasikan kedalam program di bawah portfolio akademik, penyelidikan dan juga pelajar melalui pelbagai inisiatif strategi. Program berteraskan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan TELAH dijalankan melalui program-program dibawah Pelan Perancangan Strategik iaitu 1) PHARMA-2-U, 2) UiTM Health Services Alpha Volunteers (ULTRAS), 3) PharmaLead dan 4) Learned Community (Bukti 4.2.c).

Program yang direncanakan TELAH digarap dalam kumpulan penggerak yang diketuai oleh pengurus projek. Kertas kerja berkaitan projek dalam berkaitan bidang tumpuan berkenaan program dibentangkan pula di Mesyuarat Pengurusan FF bagi tujuan penambahbaikan (Bukti 4.2.d).

Berdasarkan Perancangan Strategik tersebut, aktiviti berteraskan alumni, komuniti dan kesukarelawan TELAH DIRANCANG bagi memenuhi keperluan UiTM pada tahun semasa seperti yang disasarkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Inisiatif khusus bagi perancangan program berteraskan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan telah dijalankan melalui program-program dibawah Pelan Perancangan Strategik iaitu 1) PHARMA-2-U, 2) UiTM Health Services Alpha Volunteers (ULTRAS), 3) PharmaLead dan 4) Learned Community (Bukti 4.2.c).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0046\\_A01\\_AB02\\_20221\\_Bukti 4.2 a - Dokumen Perancangan Strategik dan Objektif Kualiti FF.pdf](#)
2. [F0046\\_A01\\_AB02\\_20222\\_Bukti 4.2 b - Visi dan Misi FF.pdf](#)
3. [F0046\\_A01\\_AB02\\_20223\\_4.2.c Inisiatif strategi.pdf](#)
4. [F0046\\_A01\\_AB02\\_20224\\_4.2.d Mesyuarat pengurusan - Pembentangan prog.pdf](#)

### 4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi memastikan PERLUASAN perancangan yang telah dibuat, data-data berikut TELAH diukur:

- Pengukuran Objektif Strategik (OS) yang melibatkan data-data PI31 (Jumlah aktiviti pelajar berkaitan dengan komuniti), PI32 (Jumlah komuniti yang terlibat dengan kursus berkredit), PI 34 (Jumlah pelajar yang terlibat dengan program kesukarelawanan), PI84 (Jumlah program tanggungjawab social university), PI88 (Jumlah komuniti yang menerima/mendapat manfaat dari pemindahan teknologi), PI89 (Jumlah program kepakaran alumni), dan PI94 (Jumlah staf yang berdaftar dengan organisasi kesukarelawanan).
- Pengukuran Objektif Kualiti (OK) yang melibatkan OK8 berkaitan pemeraksanaan jaringan alumni dan industri adalah melalui pemantauan aktiviti berkaitan alumni. Menerusi dokumen Perancangan Strategik FF 2021-2025 Bil. 5, Pelan Perancangan Strategik Pharma-2-U, ULTRAS (UiTM Services Alpha Volunteers) dan PharmaLead TELAH dirangka untuk memperkasakan aktiviti jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan. Melalui Pelan Perancangan Strategik ini, beberapa petunjuk prestasi telah disasarkan seperti perkongsian pengetahuan melalui program pemindahan ilmu (KTP) dan tanggungjawab sosial universiti (USR).

Kaedah/metodologi yang digunakan untuk membuat penilaian Objektif Strategik adalah pemantauan Objektif Strategik dan kajiselidik terhadap maklumbalas peserta dan pengendali setiap program, laporan tamat program yang dilengkapi segala informasi berkaitan pelaksanaan, permasalahan serta penambahbaikan dalam perjalanan program. dan verifikasi di sistem SMART dan NILAM yang dikelolakan oleh pejabat ICAN UiTM (Bukti 4.3.a).

Petunjuk Prestasi (PI) ini TELAH dikumpulkan dianalisa, dan dilaporkan pada setiap mesyuarat pengurusan yang diadakan secara bulanan. Pelaporan kedalam Sistem SMART yang dilakukan pada setiap sukuan tahun (Bukti 4.3.b).

Kaedah/metodologi yang digunakan untuk membuat penilaian Objektif Kualiti adalah melalui pemantauan BT melalui data yang diperolehi melalui borang maklumbalas program, laporan program dan verifikasi di sistem SMART dan NILAM (Bukti 4.3.c).

Seperti penilaian yang dilakukan untuk OS, FF juga TELAH pengumpulan data, analisis dan pelaporan berkaitan OK yang dilakukan secara bulanan dalam Mesyuarat Pengurusan dan tahunan pada Mesyuarat Penetapan Semula Objektif Kualiti.

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, PERLUASAN pengumpulan data-data PI dan OK, kaedah/metodologi yang digunakan untuk membuat penilaian, kekerapan data dikumpulkan dan dianalisa berada pada tahap pelaksanaan yang meluas kepada keseluruhan warga FF.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_A01\\_AB03\\_20221\\_4.3.a OS.pdf](#)
2. [F0046\\_A01\\_AB03\\_20222\\_4.3.b.pdf](#)



## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi tujuan PEMBELAJARAN, pemantauan dilakukan secara bulanan dan dibentangkan di mesyuarat pengurusan untuk dibincangkan. Setiap data yang telah dikumpulkan akan disemak silang berpandukan dokumen sokongan yang disertakan untuk mengesahkan kualiti dan integriti data tersebut. Timbalan Dekan (ICAN) membantu Dekan bersama dengan Koordinator ICAN bertanggungjawab ke atas segala pengurusan data, penyediaan maklumat dan pengurusan pengetahuan di peringkat fakulti. Pelaporan data OK dan OS dilakukan kepada BTU FF, sistem UePMO dan SMART (Bukti 4.4.1.a).

Data-data OS dan OK yang telah dikumpul dan analisa, telah turut digunakan untuk perbincangan dalam mesyuarat yang berkaitan. Pencapaian PI TELAH menjadi agenda mesyuarat BTU (dipengerusikan Koordinator BTU), mesyuarat Kajian semula Pengurusan (MKSP) (dipengerusikan Dekan) dan Mesyuarat Pengurusan (dipengerusikan Dekan), manakala perbincangan pencapaian berkaitan OK TELAH menjadi agenda Mesyuarat Audit Dalam FF dan MKSP (dipengerusikan Dekan). (Bukti 4.4.2b)

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, FF TELAH membuat pemantauan terhadap data-data, yang mana data-data pemantauan ini kemudiannya dianalisa. Hasil pengumpulan dan analisis data-data ini dan digunakan bagi perbincangan di mesyuarat-mesyuarat kaji semula pengurusan untuk tujuan pembelajaran dan penambahbaikan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0046\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20221\\_4.4.1.a.pdf](#)
2. [F0046\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20222\\_4.4.1.b.pdf](#)

#### 4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko bagi kriteria ini telah dikenalpasti semasa bengkel perancangan strategik FF dan mesyuarat pengurusan. Risiko pertama yang telah dikenalpasti adalah sekatan perjalanan pada 2021 akibat pandemik Covid-19 yang mengakibatkan kesukaran dalam operasi dan pemantauan aktiviti. Melalui perbincangan dalam Bengkel Perancangan Strategik FF dan pengenalpastian risiko, FF TELAH MERANCANG TINDAKAN dengan beralih kepada “digital transformation” Langkah untuk tindakan pencegahan juga TELAH dibincangkan dan dimuatnaik ke sistem UePMO BTU (BUKTI 4.4.2.a).

Tindakan berkaitan peralihan digital ini selaras dengan Pelaksanaan Pengoperasian FF semasa PKP (Bukti 2.3.2 d) dan TELAH dimaklum dan disebarluas kepada warga FF melalui emel. Sehubungan itu, perbincangan kolaborasi, promosi aktiviti kemasyarakatan serta latihan berkaitan telah dijalankan secara atas talian bagi memastikan kesinambungan operasi. (BUKTI 4.4.2.b).

Kesimpulannya, Unit Risiko FF TELAH **merancang tindakan pencegahan semua risiko yang telah diambilkira** bagi bidang tumpuan ini dan bersedia untuk melaksanakan langkah penyelesaian yang bersesuaian

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20221\\_4.4.2.a.pdf](#)
2. [F0046\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20222\\_4.4.2.b.pdf](#)

#### 4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FF TELAH menganalisa hasil tindakan untuk penambahbaikan dengan mengadakan mengadakan mesyuarat kajian semula secara berkala disetiap akhir tahun selepas audit dijalankan. Semua data dan maklumat berkaitan bidang tumpuan TELAH dibentang dan dibincangkan untuk langkah penambahbaikan.

Hasil kajian semula telah menghasilkan penambahbaikan proses bagi bidang tumpuan seperti berikut:

1. Kearah program alumni, komuniti yang berimpak tinggi selaras dengan keperluan universiti (melalui Pejabat ICAN) (BUKTI – 4.4.3.a)
2. Mewujudkan kolaborasi bersama industri, institusi kerajaan dan pemegang taruh.(BUKTI 4.4.3.b)
3. Mengadakan perbagai program secara atas talian. (BUKTI 4.4.3.c)

**Penambaaikan yang telah dikenalpasti diperingkat pengurusan atasan TELAH dikongsikan** semasa mesyuarat Fakulti yang mana dekan telah menegaskan penambahbaikan terhadap pekara 1, 2, dan 3 (berkait dengan bidang tumpuan seperti yang telah dinyatakan) (BUKTI 4.4.3.d)

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, FF TELAH membuat pemantauan terhadap data-data, yang mana data-data pemantauan ini kemudiannya TELAH dianalisa. FF telah berada pada tahap yang mana analisa data-data ini dan digunakan bagi perbincangan di mesyuarat-mesyuarat kaji semula pengurusan dan dikongsikan dengan warga jabatan/warga FF.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20221\\_4.4.3.a.pdf](#)
2. [F0046\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20222\\_4.4.3.b.pdf](#)
3. [F0046\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20223\\_4.4.3.c.pdf](#)
4. [F0046\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20224\\_4.4.3.d.pdf](#)

#### **4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Hasil dari analisa data dan tindakan penambahbaikan telah disebarkan melalui perkongsian maklumat kepada semua staf, pelajar dan juga orang luar dari masa ke semasa melalui pelbagai saluran. Amalan perkongsian ini secara tidak langsung dapat membudayakan bidang tumpuan dalam mencapai KPI individu, fakulti dan UiTM.

Penggunaan laman web FF dan Facebook FF digunakan sebagai platform bagi menyebarkan pemakluman berkenaan program secara meluas (BUKTI 4.5.a). Penggunaan Facebook FF terutamanya TELAH membolehkan maklumbalas daripada pelbagai pihak terhadap sesuatu program yang dijalankan dan TELAH membolehkan penambahbaikan dikenalpasti bagi menambahbaik program-program pada masa akan datang.

Penganugerahan anugerah-anugerah khas (berkaitan dengan komponen bidang tumpuan) pada Hari Kualiti, penganjuran program berkala yang telah dibudayakan seperti CPD talk series, penganjuran International Research Network Initiative (IRNI), IBRO-APRC Associate School of Neuroscience UiTM 2021 bersama komuniti akademik luar negara merupakan antara aktiviti yang telah dibudayakan (BUKTI 4.5.b).

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang dinyatakan diatas, FF TELAH membudayakan pengukuran, analisa, dan pengurusan pengetahuan bagi program-program bidang tumpuan berteraskan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan. Program ini bukan sahaja memberi manfaat terhadap warga FF, UiTM dan komuniti setempat, malah berupaya disebarluas ke komuniti antarabangsa dengan pengurusan data dan pengetahuan yang cemerlang.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_A01\\_AB05\\_20221\\_4.5.a.pdf](#)
2. [F0046\\_A01\\_AB05\\_20222\\_4.5.b.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pada tahun 2021, FF telah mencapai 90% penunjuk prestasi dan menerima 5 bintang untuk skor MyRA. Pencapaian ini diraih hasil dari kerjasama erat dengan kekuatan tenaga kerja seramai 149 staf dari kalangan akademik dan pentadbiran. FF mempunyai seramai 146 staf iaitu 87 staf akademik dan 59 staf pentadbiran. Staf akademik ditempatkan di lima (5) pusat pengajian iaitu Amalan Farmasi, Farmaseutik, Farmakologi, Kimia Farmaseutikal dan Sains Hayat. Manakala staf pentadbiran dibahagikan kepada tiga (3) unit utama iaitu Pentadbiran dan ICT, Akademik dan Hal Ehwal Pelajar serta Pengurusan Makmal Sains/Penyelidikan. Jumlah pelajar yang aktif bagi tahun 2021 adalah seramai 701 orang untuk pelajar prasiswazah dan seramai 284 orang pelajar pascasiswazah. Kekuatan alumni berdaftar sehingga 2021 adalah seramai 4447 orang.

FF telah merancang untuk menjalankan program perkongsian ilmu dan kepakaran yang melibatkan jaringan alumni bersama universiti serta pembudayaan aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawanan. FF TELAH MELAKSANAKAN aktiviti-aktiviti yang dirancangan dengan menetapkan tiga Pelan Tindakan Strategik utama bagi memenuhi sasaran petunjuk prestasi bidang tumpuan (BT) iaitu Pharma-2-U, ULTRAS (UiTM Services Alpha Volunteers) dan PharmaLead.

Berpaksikan kepakaran sumber manusia dan budaya cemerlang, FF telah menjalankan pelbagai program berteraskan 'University Community Engagement (UCE)' selaras dengan Perancangan Strategik FF Bil 5 2016-2020. Program-program seperti Virtual Inspired Pharmacy Program (VIPP) 2021, ePublic Health Pharmacy Carnival (ePHPC), ePharmacore yang mengetengahkan perkongsian kepakaran sumber manusia FF dalam khidmat bakti kepada komuniti. FF juga berperanan sebagai teraju utama dalam tadbirurus pemantauan dan pengendalian vaksin di Pusat Pemberian Vaksin Pandu Lalu di Hospital UiTM. Beberapa projek sinergi melibatkan alumni TELAH dilaksanakan seperti Finishing School, World Pharmacist Week and virtual OSCE.

Dari aspek pemantauan pula, pemantauan dilakukan melalui perbincangan yang dijalankan melalui mesyuarat pelaksanaan program. Bagi tujuan penambahbaikan, laporan akhir bagi setiap program dihantar kepada pengurusan fakulti 4 minggu selepas tamat program dimana segala masalah dan perancangan untuk penambahbaikan di masa hadapan dinyatakan di dalam laporan tersebut.

## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Sumber manusia adalah aset terpenting dalam sesebuah organisasi yang berperanan menentukan hala tuju serta matlamat organisasi itu terlaksana dan tercapai. Seseorang individu yang menyertai sesebuah organisasi, secara automatik taat setia dan sumbangan keringatnya signifikan bagi mencapai matlamat organisasi. Oleh itu, sumber manusia ini bersama digerakkan bagi memikul sepenuh komitmen terhadap organisasi, seterusnya meningkatkan produktiviti menerusi tanggungjawab yang digalas.

Pada tahun 2021, FF telah mencapai 90% penunjuk prestasi dan menerima 5 bintang untuk skor MyRA. Dengan kekuatan tenaga kerja seramai 149 staf dari kalangan akademik dan pentadbiran, serta alumni berbilang kepakaran, matlamat ini berjaya dicapai (Bukti 5.2 a).

FF TELAH MELAKSANAKAN aktiviti-aktiviti yang dirancang dengan menetapkan tiga Pelan Tindakan Strategik utama bagi memenuhi sasaran petunjuk prestasi bidang tumpuan (BT) iaitu Pharma-2-U, ULTRAS (UiTM Services Alpha Volunteers), PharmaLead dan *Learned Community*. Berpaksikan kepakaran sumber manusia dan budaya cemerlang. FF TELAH menggunakan **PENDEKATAN** berikut untuk menjayakan BT iaitu:

### **PHARMA-2-U:**

Inisiatif ini menekankan integrasi elemen khidmat masyarakat kedalam Objektif Pembelajaran dalam subjek-subjek yang ditawarkan FF bagi memberikan pengalaman pembelajaran yang pragmatik dan progresif disamping mengambilkira keperluan masyarakat.

Di bawah inisiatif ini program-program khidmat bakti bersama komuniti diintegrasikan kedalam subjek (Kod subjek: PHC530).

Aktiviti *ePublic Health Pharmacy Carnival* (ePHPC) telah dilaksanakan melalui:

- Pembikinan *Flipbook 'Common Minor Health Problems in Malaysia'* dan video 'Pendidikan Kesihatan di Kalangan Kanak-Kanak' untuk panduan dan kesedaran kesihatan
- Forum 'Know Your COVID-19 Vaccines'
- Webinar 'The Most Knows of Sex Education' (Bukti 5.2 b).

Komuniti yang menerima manfaat dari aktiviti ini adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Puncak Alam (3) (SMKPA3) dan Sekolah Kebangsaan Puncak Alam (2) (SKPA2). Kehadiran alumni FF juga membawa bersama kredibiliti dan pengalaman dan kepakaran mereka dalam program khidmat bakti masyarakat ini.

Rakan-rakan sinergi FF, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), juga bersama dalam menjayakan program khidmat bakti ini.

### **UiTM Health Services Alpha Volunteers (ULTRAS)**

Inisiatif ini berobjektif untuk melahirkan pelajar yang peka dan cakna dengan keperluan komuniti dan memperkasa pelajar yang mereka juga mampu melakukan perubahan.

- Program ePharmacore telah dilaksanakan yang meliputi aktiviti-aktiviti seperti Pengedaran infografik dan video tentang kesihatan (Bukti 5.2 c).
- Komuniti yang bersama dalam khidmat bakti ini: Rumah Kebajikan Paya Jaras, Rumah Kebajikan Ulu Kelang.
- Larian Maya FF. Hasil kutipan dari program ini disumbangkan kepada Animal care dan Rumah Kanak-Kanak Rembau.

### **PHARMALEAD**

Inisiatif ini dilaksanakan untuk mempersiapkan pelajar dengan keyakinan diri dan keupayaan untuk menjadi pemimpin yang berwibawa.

Program-program yang dilaksanakan ini mengambilkira kepelbagaian SUMBER MANUSIA

warga FF dan kekuatan alumni FF sebagai narasumber. Keterlibatan komuniti yang mendapat manfaat juga memberikan timbalbalik sebagai satu wadah bagi pengajaran tidak langsung kepada warga FF.

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0046\\_S01\\_SB02\\_20221\\_Bukti 5.2 a - Alumni UiTM.pdf](#)
2. [F0046\\_S01\\_SB02\\_20222\\_Bukti 5.2 b - Virtual Inspired Pharmacy Programme.pdf](#)
3. [F0046\\_S01\\_SB02\\_20223\\_Bukti 5.2 c - PHARMACORE.pdf](#)
4. [F0046\\_S01\\_SB02\\_20224\\_5.1 d Hebahan media sosial FF.pdf](#)

### **5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

FF TELAH mengoptimalkan **PERLUASAN** kepakaran dan pengalaman sumber manusia BT melalui kaedah berikut:

- i. Membuat hebahan mengenai program sukarelawan kepada semua sumber manusia dengan giat melalui platform komunikasi (Bukti 5.2 a).
- ii. Melalui perlantikan penyelaras ICAN yang sentiasa peka mengenai program-program sukarelawan serta penglibatan alumni dalam program-program tersebut (Bukti 5.2 b).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_S01\\_SB03\\_20221\\_5.2 a Hebahan program di aplikasi Whatsapp.pdf](#)
2. [F0046\\_S01\\_SB03\\_20222\\_5.2 b Surat Lantikan Penyelaras ICAN FF.pdf](#)



## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

**PEMANTAUAN** program yang TELAH dilaksanakan oleh FF terhadap BT dibuat melalui instrument berikut:

1. Minit mesyuarat pelaksanaan yang dibuat secara berkala (Bukti 5.3.1 a).
2. Kajian soal selidik mengenai tahap kepuasan pelajar terhadap program perkongsian kepakaran alumni untuk tujuan penambahbaikan di masa akan datang (Bukti 5.3.1 b).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0046\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20221\\_5.3.1 a Minit Mesyuarat JPP 2021.pdf](#)
2. [F0046\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20222\\_5.3.1 b Laporan Finising School 2021-soal selidik.pdf](#)

#### **5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Perancangan kawalan risiko TELAH **DIKENALPASTI** melalui aktiviti Daftar Risiko fakulti farmasi dibawah kelolaan Penyelaras Pengurusan Risiko fakulti. Antara contoh risiko yang disenaraikan adalah program Finishing School tidak dapat dijalankan secara bersemuka akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Bukti 5.3.2 a).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20221\\_5.3.2 a Daftar Risiko Fakulti Farmasi 2021.pdf](#)

#### **5.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Bagi memastikan pengurusan FF bertindak balas kepada maklumbalas sumber manusia, **KAJIAN SEMULA** dan tindakan **PENAMBAHBAIKAN** TELAH dilaksanakan terhadap BT berdasarkan maklum balas yang diterima menerusi borang kaji selidik program (Bukti 5.3.3 a).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20221\\_5.3.3 a Laporan Finising School 2021-penambahbaikan.pdf](#)

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pihak FF TELAH menggalakkan **INTEGRASI** dan **PEMBUDAYAAN** program-program kesukarelawan bersama alumni dan komuniti untuk BT yang dapat dilihat melalui usaha seperti:

1. Penganjuran program perkongsian kepakaran bersama alumni (Bukti 5.4 a).
2. Menggalakkan penglibatan warga FF menjadi sukarelawan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Mega UiTM (Bukti 5.4 b).

PENGIKTIRAFAN kepada pekerja akan mewujudkan iklim organisasi yang positif, produktif dan inovatif. Melalui pengiktirafan yang diberikan, ia sebenarnya menggalakkan lebih banyak tindakan dan merangsang pemikiran seseorang kakitangan tersebut untuk mempercayai bahawa dirinya memiliki potensi dan kemampuan untuk terus menyumbang kepada kemajuan dan kejayaan organisasinya. Bagi MENGHARGAI sumbangan yang telah diberikan, pihak FF TELAH:

1. Penganugerahan hadiah khas (berkaitan dengan komponen bidang tumpuan) pada Hari Kualiti Fakulti Farmasi 2021.
2. Memberikan penghargaan kepada sumber manusia sedia ada dan alumni yang terlibat dalam penganjuran program kesukarelawan (Bukti 5.1 c).
3. Pengiktirafan sumbangan menerusi hebahan email, laman web dan media sosial fakulti. (Bukti 5.1 d).

Pengiktirafan kepada kakitangan secara hakikatnya adalah satu bentuk pengiktirafan kepada kualiti kerja yang telah ditunjukkan oleh kakitangan tersebut kerana pekerja yang berkualiti adalah aset utama sesebuah organisasi.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_S01\\_SB05\\_20221\\_5.4 a Senarai Program bersama Alumni - Bilangan Perkhidmatan Kepakaran Alumni.pdf](#)
2. [F0046\\_S01\\_SB05\\_20222\\_5.4 b Surat Penghargaan Staff & Alumni Vaksin PPV UiTM.pdf](#)
3. [F0046\\_S01\\_SB05\\_20223\\_5.4 c Hebahan media sosial FF.pdf](#)
4. [F0046\\_S01\\_SB05\\_20224\\_F0046\\_S01\\_SB02\\_20224\\_5.1 d Hebahan media sosial FF.pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Sejajar dengan objektif Pelan Strategik UiTM2025, bagi memastikan program akademik memenuhi keperluan pasaran, memacu pembangunan negara dan kemakmuran global, Fakulti Farmasi (FF) sentiasa komited dan berusaha keras dalam mewujudkan hubungan dua hala bersama alumni dan komuniti setempat. FF telah menggarap EMPAT Pelan Tindakan Strategik (SAP) utama bagi memenuhi sasaran petunjuk prestasi bidang tumpuan (BT) iaitu Pharma-2-U, ULTRAS (UiTM Services Alpha Volunteers), PharmaLead dan *Learned Community*. Bagi merealisasikan SAP, hubungan erat fakulti dengan alumni dan komuniti mestilah dipateri. Maka, tumpuan operasi untuk memastikan libaturus bersama alumni dan komuniti setempat dan antarabangsa adalah dilaksanakan.

Selaras dengan bidang tumpuan (BT), dari aspek tumpuan kepada operasi, FF TELAH MERANCANG:

- Proses penjejakan alumni dengan menggunakan sistem SMART dan eAlumni yang dibangunkan dan dikendalikan oleh Unit ICT UiTM bagi merencanakan keterlibatan alumni dalam projek sinergi melibatkan kebajikan pelajar, promosi kemasukan pelajar baru, pembangunan akademik melalui sumbangan tunai mahupun tenaga pakar.
- Projek-projek USR dan KTP sebagai satu inisiatif FF bagi mengukuhkan hubungan dua hala antara FF bersama komuniti sasaran dan mewujudkan permuafakatan lestari antara FF dan komuniti.
- Projek kesukarelawanan adalah satu ruang bagi FF untuk memanfaatkan sumber manusia dan perkongsian kepakaran yang ada untuk membantu komuniti yang terjejas dengan situasi yang membebankan, terutama kesiapsiagaan dalam situasi tak terjangka.

Hasil dari perancangan yang telah digarap, FF TELAH melakukan pelaksanaan bagi:

- menjalankan proses menjejaki, mengenalpasti dan mendapatkan sumbangan dari segi kewangan, kepakaran dan khidmat kemanusiaan daripada alumni.
- membentuk kesepakatan bersama komuniti sasaran melalui program-program bermanfaat.
- menjalankan aktiviti kesukarelawan bagi khidmat bakti bersama komuniti sasaran.

FF TELAH melakukan usaha pemantauan secara berkala bagi tujuan menambahbaik pengurusan FF terhadap pelaksanaan program-program dan inisiatif yang dirancang. Pemantauan juga dilakukan bagi memastikan kelestarian program dan pencapaiannya sejajar dengan objektif Pelan Strategik FF dan UiTM:

- Melakukan pelaporan berkala bagi program-program yang dilaksanakan.
- Membuat penilaian terhadap impak program berdasarkan kajiselidik maklumbalas peserta dan jemputan
- Melaksanakan komunikasi berkala dengan alumni dan komuniti terutama komuniti sasaran.

Penilaian risiko TELAH dilakukan berkaitan operasi bidang tumpuan. Risiko-risiko yang dikenalpasti termasuklah:

- Sekatan perjalanan di waktu pandemik COVID-19 mengehendkan capaian dan komunikasi FF dan golongan sasaran.
- Polisi transformasi digital yang TELAH dijalankan oleh FF tidak memihak kepada golongan yang mempunyai masalah capaian internet dan keadaan fasiliti ICT yang tidak memberangsangkan.

FF TELAH melakukan beberapa solusi yang berpotensi sebagai tindakan pencegahan sekaligus menambahbaik pelaksanaan program-program yang telah dirancang.

Pengenalpastian capaian dan keluwesan komuniti sasaran dalam penggunaan teknologi maya dan fasiliti secara bersemuka diperhalusi. Langkah-langkah penyelesaian yang bersesuaian TELAH dibincang, diusul, diambil tindakan dan dikonksi kepada warga FF. Tambahan pula,

program-program yang mendapat sambutan dari pihak komuniti mahupun warga FF dikenalpasti dan dijadikan sebagai aktiviti tahunan. Kaedah ini bukan sahaja menjamin kelestarian program, bahkan mengukuhkan lagi kesejahteraan hubungan di antara FF bersama alumni, komuniti dan pemegang taruh.

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FF TELAH membuat PENDEKATAN yang SISTEMATIK berkaitan tumpuan operasi untuk memastikan libaturus bersama alumni dan komuniti setempat dan antarabangsa adalah dilaksanakan. EMPAT Pelan Tindakan Strategik (SAP) utama bagi memenuhi sasaran petunjuk prestasi bidang tumpuan (BT) telah dirangka iaitu Pharma-2-U, ULTRAS (UiTM Services Alpha Volunteers), PharmaLead dan *Learned Community*. Bagi merealisasikan SAP yang telah digarap, hubungan erat fakulti dengan alumni dan komuniti mestilah dipateri. Maka, tumpuan operasi untuk memastikan libaturus bersama alumni dan komuniti setempat dan antarabangsa adalah dilaksanakan:

- Proses penjejakan alumni: Proses mengenalpasti kepakaran alumni dan mendapatkan sumbangan daripada alumni yang berkenaan melalui program akademik dan bukan akademik anjuran fakulti.
- Proses mengenalpasti, memilih dan memeterai perhubungan dengan komuniti setempat dalam membentuk program bersifat kemasyarakatan bersama pihak-pihak sasaran. FF komited untuk menggalakkan program pemindahan ilmu, menerapkan elemen inovasi dan berkongsi pengetahuan di kalangan komuniti dan masyarakat sasaran.
- Proses tadbirurus kesukarelawanan bagi memastikan kesiapsiagaan FF untuk program khidmat bakti bersama komuniti sewaktu keadaan luar jangka (contohnya: COVID-19 dan banjir).

Proses Penjejakan Alumni oleh FF TELAH MENGGUNAKAN PENDEKATAN berikut:

- Penjejakan alumni adalah berdasarkan garis panduan yang TELAH disediakan oleh pejabat Industri, Komuniti dan Jaringan Alumni. **(BUKTI 6.2a)**
- Menggunapakai sistem eAlumni dan SMART yang disediakan oleh pihak universiti bagi pengenalpastian dan penjejakan alumni. **(BUKTI 6.2b)**
- Penjenamaan alumni TELAH dilaksanakan melalui inisiatif seperti jaringan dan program bersama alumni dan meningkatkan ketampakan alumni melalui penggunaan media sosial seperti Facebook. Penjenamaan alumni TELAH dilaksanakan oleh FF melalui inisiatif seperti penghasilan barangan cenderahati, komunikasi, jaringan dan program bersama alumni.

FF telah merancang untuk melaksanakan program-program tanggungjawab sosial universiti (USR) dan program pemindahan ilmu (KTP) bersasar bagi komuniti. Proses mengenalpasti, memilih dan memeterai perhubungan dengan komuniti setempat oleh FF TELAH MENGGUNAKAN PENDEKATAN berikut:

- Program USR dan KTP yang TELAH dijalankan FF adalah berdasarkan garis panduan yang TELAH disediakan oleh pejabat Industri, Komuniti dan Jaringan Alumni. **(BUKTI 6.2c)**
- Hasil komunikasi dengan komuniti setempat, pihak FF TELAH mengenalpasti kumpulan sasaran bagi program USR ini. **(Bukti 6.2d)**
- Pelaksanaan aktiviti bersifat akademik seperti dan bukan akademik seperti *Pharmacy Community Outreach Program*, Bengkel Haiwan Makmal, konferens maya *International Brain Research Organisation (IBRO)*, program pelajar angkat Sekolah Kebangsaan Puncak Alam (2) dan pelbagai program lagi TELAH dijalankan melibatkan warga FF dan komuniti sasaran. **(Bukti 6.2e)**

Proses tadbirurus kesukarelawanan bagi memastikan kesiapsiagaan FF untuk program khidmat bakti bersama komuniti sewaktu keadaan luar jangka TELAH menggunakan PENDEKATAN berikut:

- Penetapan dan perancangan kursus atau latihan kesukarelawanan warga FF.
- Penyediaan kertas kerja dan borang permohonan aktiviti.
- Mendapatkan surat kelulusan untuk mengadakan aktiviti.
- Semakan semula borang permohonan aktiviti dilakukan sebelum kebenaran menjalankan aktiviti yang dipohon.

- Penyediaan laporan penutup selepas pelaksanaan program.

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, FF TELAH mengenalpasti tumpuan operasi untuk memastikan libaturus bersama alumni dan komuniti setempat dan antarabangsa adalah dilaksanakan. Perancangan terhadap operasi telah dibuat secara sistematik berpandukan kepada garis panduan diperingkat universiti, kebangsaan yang mana inisiatif inovasi dan perkongsian pengetahuan TELAH dititikberatkan.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0046\\_O01\\_OB02\\_20221\\_Bukti 6.2a - Proses penjejakan alumni.pdf](#)
2. [F0046\\_O01\\_OB02\\_20222\\_Bukti 6.2b - Tangkap layar sistem SMART.pdf](#)
3. [F0046\\_O01\\_OB02\\_20223\\_Bukti 6.2c - Pergerakan program USR.pdf](#)
4. [F0046\\_O01\\_OB02\\_20224\\_Bukti 6.2d - Komunikasi bersama komuniti.pdf](#)
5. [F0046\\_O01\\_OB02\\_20225\\_Bukti 6.2e - Proses akademia dan bukan akademia bersama komuniti.pdf](#)



### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Inisiatif perluasan yang diambil dalam menyokong pelaksanaan objektif bidang tumpuan pilihan yang melibatkan keseluruhan sistem UiTM adalah melalui:

i. Menggunakan sistem eAlumni dan sistem SMART yang merekodkan bilangan dan kepakaran alumni. FF juga TELAH menjalankan tinjauan berkala bagi memastikan maklumat terkini alumni fakulti dari segi kerjaya dan kepakaran. Sistem-sistem UiTM sebegini amat penting dalam membantu FF membuat pengenalpastian bakat dan kepakaran alumni. Langkah ini membolehkan **FF MERANCANG** program bersesuaian bagi keterlibatan alumni tersebut. Bengkel perancangan strategik TELAH dijalankan untuk merencanakan perjalanan program-program yang membabitkan kerjasama antara fakulti, industri, komuniti dan alumni. **(Bukti 6.3a)**

ii. Hasil dari pengumpulan data, FF TELAH mengenalpasti kepakaran alumni justeru memudahkan keterlibatan alumni sebagai narasumber, fasilitator dan penceramah dalam program-program anjuran FF di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Disiplin kerjaya alumni yang merangkumi pegawai yang berkhidmat dengan kerajaan, usahawan, pemain industri malah teknokrat berupaya memberikan kepelbagaian sumbangan bakti kepada fakulti dan komuniti sasaran. **(Bukti 6.3b)**

iii. Penganjuran program kesukarelawan FF bukan sahaja dimanfaatkan komuniti setempat, malah diperluaskan ke peringkat antarabangsa FF melaksanakan program khidmat bakti dengan komuniti sekitar seperti Program Sekolah Angkat dengan Sekolah Kebangsaan Puncak Alam (2) dan program pertandingan inovasi, Pharmacy Invention, Innovation and Design Exposition (Pharm-IIDEx) yang disertai oleh pelajar dari sekolah rendah dan menengah. Malahan, FF TELAH diberi kepercayaan oleh komuniti sains antarabangsa seperti Persatuan Neurosains Dunia (IBRO) dan Kesatuan Sainifik Asia Pasifik (APRC), Bahagian Neurosains iaitu komuniti saintifik global untuk berkongsi kepakaran dengan para neurosaintis muda. **(Bukti 6.3c dan Bukti 6.3d)**

Lebih membanggakan, kepakaran sumber manusia dan keberkesanan tadbir urus operasi FF juga diiktiraf kerana diberi kepercayaan untuk menggalas tanggungjawab utama dalam pengurusan PPV Mega UiTM yang merangkumi proses penerimaan, penyimpanan, pembahagian peruntukan, serta proses laporan penggunaan vaksin kepada wakil pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan MyVac. Unit *Good Manufacturing Practice* (GMP) FF TELAH bekerjasama dengan Kesatuan Pelajar Farmasi (SOPHYS) bagi menghasilkan *hand sanitizer* yang digunakan di sekitar UiTM kampus Puncak Alam dalam usaha membendung penularan wabak Covid-19.

Di samping itu, kesiapsiagaan FF dalam kesukarelawan terbukti TELAH menggerakkan aktiviti bantuan pasca banjir yang melanda Lembah Klang pada Disember 2021.

Segala aktiviti bersama alumni dan komuniti yang dijalankan di fakulti dilaporkan dan direkodkan melalui sistem SMART di bawah kendalian bahagian ICAN. Malahan, maklumbalas dari alumni dan peserta TELAH diambil untuk dijadikan rujukan pada masa akan datang. **(Bukti 6.3e)**

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_O01\\_OB03\\_20221\\_Bukti 6.3a - Pemerksaan program bersama alumni dan komuniti.pdf](#)
2. [F0046\\_O01\\_OB03\\_20222\\_Bukti 6.3b - Penglibatan alumni dalam program FF.pdf](#)
3. [F0046\\_O01\\_OB03\\_20223\\_Bukti 6.3c - Program sukarelawan bersama komuniti.pdf](#)
4. [F0046\\_O01\\_OB03\\_20224\\_Bukti 6.3d - Program konferens bersama komuniti saintifik.pdf](#)

5. [F0046\\_O01\\_OB03\\_20225\\_Bukti 6.3e - Projek sukarelawan one-off FF.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik bidang tumpuan, FF menitikberatkan komunikasi dua hala yang konsisten antara FF dengan alumni dan komunitiserta melakukan kajiselidik terhadap maklumbalas peserta dan pengendali setiap program. FF TELAH menggariskan dokumentasi berikut setelah pelaksanaan program:

1. Laporan tamat program yang dilengkapi segala informasi berkaitan pelaksanaan, permasalahan serta penambahbaikan dalam perjalanan program. Laporan ini disimpan secara digital dan fizikal bagi tujuan rujukan untuk program akan datang. Hasil pemantauan digunakan untuk kajian semula pengurusan. **(Bukti 6.4.1a)**
2. Soalselidik bagi menilai kepuashatian dan maklumbalas yang mungkin boleh digunapakai sebagai rujukan bagi menambahbaik program yang TELAH dijalankan. **(Bukti 6.4.1b)**
3. Komunikasi dua hala bersama alumni atau komuniti yang dilakukan secara berterusan bagi mengenalpasti masalah dan melakukan penambahbaikan dalam tadbirurus operasi FF. **(Bukti 6.4.1c)**

Secara keseluruhan, dapatan dari perkara-perkara ini amat penting untuk mendapatkan input, menilai, mengkaji semula dan menambahbaik tadbirurus operasi FF.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0046\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20221\\_Bukti 6.4.1a - Laporan tamat program.pdf](#)
2. [F0046\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20222\\_Bukti 6.4.1b - Soalselidik dan maklumbalas berkaitan dengan program.pdf](#)
3. [F0046\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20223\\_Bukti 6.4.1c - Komunikasi bersama alumni dan komuniti.pdf](#)

## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Beberapa risiko TELAH dikenalpasti semasa mesyuarat/bengkel perancangan strategik FF dan mesyuarat pengurusan termasuklah:

- Sekatan perjalanan di waktu pandemik COVID-19 pada 2021 berdasarkan Pekeliling Naib Canselor (**Bukti 6.4.2a**). Keterbatasan dalam aktiviti bersemuka menyebabkan FF membuat keputusan untuk beralih ke arah transformasi digital.
- FF juga menyedari kekangan capaian internet dan kekurangan fasiliti ICT yang dihadapi komuniti, staf dan juga pelajar. Lantaran itu, kolaborasi, aktiviti kemasyarakatan serta latihan berkaitan TELAH dijalankan secara atas talian dan hibrid bersemuka bagi memastikan kesinambungan operasi. Pelajar yang menghadapi kekangan capaian internet juga diberikan peluang untuk menetap di kampus. Malah, usul bagi bantuan peranti kepada warga FF dari golongan B40 telah dilaksanakan. (**Bukti 6.4.2b**)

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, Pengurusan Kanan FF bersama Unit Pengurusan Risiko FF TELAH merancang tindakan pencegahan risiko BT dengan langkah penyelesaian yang bersesuaian. (**Bukti 6.4.2c**)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20221\\_Bukti 6.4.2a - Arahan kawalan pergerakan sempena penularan wabak COVID-19.pdf](#)
2. [F0046\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20222\\_Bukti 6.4.2b - Strategi transformasi digital.pdf](#)
3. [F0046\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20223\\_Bukti 6.4.2c - Rancangan tindakan pencegahan risiko.pdf](#)

### 6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi melaksanakan tujuan penambahbaikan pengurusan operasi, FF menganalisa hasil tindakan yang diperolehi dari maklumbalas dan dapatan dari laporan program. Antara tindakan penambahbaikan yang TELAH diambil oleh FF, termasuklah:

- Aktiviti perkongsian ilmu atau perbincangan bersama pihak sasaran, alumni dan komuniti dijalankan secara maya. (**Bukti 6.4.3a** dan **Bukti 6.4.3b**). Program seperti ePharmacore TELAH dilaksanakan dengan jayanya ditambahbaik dari semasa ke semasa. Kelestarian program ini dilakukan dengan penjenamaan baru, ScienceCare, yang akan dilaksanakan secara bersemuka
- FF TELAH bertindak memberi kelonggaran kepada pelajar yang menghadapi cabaran dari segi capaian internet untuk menetap di kampus bagi meneruskan aktiviti akademik dan bukan akademik.
- FF juga mengambil berat faktor keterbatasan teknologi dan TELAH mengusulkan bantuan serahan peranti kepada warga FF yang terdiri daripada golongan B40. (**Bukti 6.4.3c**)

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang TELAH dinyatakan di atas, langkah penyelesaian yang bersesuaian TELAH dibincang, diusul, diambil tindakan dan dikongsi kepada warga FF.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20221\\_Bukti 6.4.3a - Program bersama alumni secara maya.pdf](#)
2. [F0046\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20222\\_Bukti 6.4.3b - Program bersama komuniti secara maya.pdf](#)
3. [F0046\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20223\\_Bukti 6.4.3c - Kertas cadangan bantuan pascabanjir.pdf](#)

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Dalam memastikan segala usaha penambahbaikan berterusan dan inovasi dapat dilaksanakan dengan efisien, kerjasama dan budaya saling membantu dalam kalangan staf adalah sangat dituntut. Kejayaan FF sebagai sebuah fakulti memerlukan keterlibatan dan sokongan berterusan dari semua pihak termasuk warga fakulti, alumni, pemegang taruh dan juga komuniti setempat.

Bagi memastikan kelestarian program anjuran FF bersama komuniti, program-program seperti International Research Networking Initiative (IRNI), Program Sekolah Angkat bersama Sekolah Kebangsaan Puncak Alam (2) dan program pertandingan inovasi, Pharmacy Invention, Innovation and Design Exposition (Pharm-IIDEx) TELAH dijadikan sebagai program tahunan FF. Malahan, program sukarelawan ePharmacore yang TELAH dijalankan secara maya, diberikan penjenamaan baru sebagai ScienceCare, dan direncanakan untuk pelaksanaannya secara bersemuka. Secara keseluruhan, program-program ini mendapat sambutan meluas dari kalangan komuniti sasaran.

Pembudayaan amalan kerja yang cekap bermula dari perancangan, pembikinan, pemantauan, pengenalpastian risiko dan penambahbaikan sekaligus menjamin tahap kecemerlangan tertinggi dan memberi impak yang terbaik bagi BT ini. Sebagai contoh, wujudnya beberapa program yang TELAH diadakan secara tahunan memperlihatkan kelestarian, kewajaran dan ketampakan FF selaku pusat ilmuan dan institusi kemasyarakatan yang relevan. ( **Bukti 6.5** )

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0046\\_O01\\_OB05\\_20221\\_Bukti 6.5 - Kompilasi aktiviti-aktiviti bersama alumni dan komuniti yang dijalankan secara tahunan.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

Penglibatan FF di dalam Pusat Pemberian Vaksin Mega (PPV Mega) UiTM Puncak Alam sebagai Jawatankuasa Pengurusan Vaksin

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Hasil dari perancangan strategik yang memberikan penekanan terhadap Alumni, Komuniti Dan Kesukarelawan menyaksikan pelbagai program-program telah dilaksanakan dibawah inisiatif untuk merencanakan lagi budaya kesukarelawan dikalangan warga FF. Program-program kesukarelawan yang memberi impak terhadap masyarakat komuniti setempat seperti *ePublic Health Pharmacy Carnival (ePHPC)*, *ePharmacy Outreach* dan (*ePharmacore*) telah dilaksanakan dengan jayanya. Suatu yang membanggakan adalah keterlibatan aktif warga FF dalam program Pusat Pemberian Vaksin Mega UiTM (PPV Mega UiTM)

PPV Mega UiTM telah dibuka pada 7 Jun 2021 yang lalu bagi memberi akses vaksin COVID-19 kepada rakyat Malaysia membendung wabak COVID-19. FF telah menjadi antara teraju utama program ini sebagai Jawatankuasa Pengurusan Vaksin bagi memastikan proses penyimpanan dan penyampaian vaksin dilaksanakan dengan baik serta mematuhi garis panduan yang ditetapkan. Bagi menjamin kelancaran operasi, pelbagai persiapan rapi telah dijalankan dengan kekuatan tenaga kerja 22 orang staff dan 23 orang pelajar dari FF, dibantu oleh staf dan sukarelawan daripada fakulti dan jabatan lain. PPV Mega UiTM bertempat di Dewan Berlian yang luas dan memberikan kemudahan kawasan parkir mencukupi buat menampung bilangan dan menjamin keselesaan penerima vaksin.. Bermula dengan 520 vial vaksin untuk suntikan kepada penerima, PPV UiTM ini berjaya mengendalikan sehingga 2400 vial vaksin sehari, sekaligus menjadi salah satu pusat pengendali vaksin bertaraf mega. Pelaksanaan pemberian vaksin di PPV Mega UiTM ini dilakukan secara hibrid hasil penambahbaikan dari semasa ke semasa, dimana perkhidmatan suntikan vaksin secara pandu lalu juga disediakan di Hospital UiTM selain pemberian vaksin secara prosedur biasa.

Kecemerlangan FF dalam proses pengendalian vaksin ini telah mendapat perhatian ramai pihak memandangkan PPV Mega UiTM adalah PPV IPT yang pertama dibuka sebelum diikuti oleh PPV lain. Justeru, PPV Mega UiTM telah dijadikan sumber rujukan dan penanda aras bagi PPV lain. Tambahan pula, hanya terdapat tiga universiti awam yang menyediakan perkhidmatan ini selain Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, para sukarelawan yang sebahagian besarnya terdiri daripada kakitangan dan pelajar UiTM komited dalam memastikan seluruh operasi PPV Mega UiTM ini berjalan dengan lancar. Kejayaan PPV ini adalah sebahagian besarnya hasil mantap perancangan strategik FF, dan UiTM secara amnya. Inisiatif FF ini membuahkan impak positif yang bukan sahaja dimanfaatkan oleh warga FF dan UiTM, bahkan komuniti sekitarnya. Inisiatif strategik FF ini secara tidak langsung memperkasa agenda negara dalam memastikan penyebaran virus COVID-19 dapat dibendung dengan perluasan akses vaksin kepada seluruh rakyat Malaysia.

#### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_F0046\\_HB02\\_20221\\_Hasil 1 Level.pdf](#)

#### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_F0046\\_HB03\\_20222\\_Hasil 1 TREN.pdf](#)

#### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_F0046\\_HB04\\_20223\\_Hasil 1 PERBANDINGAN.pdf](#)

#### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_F0046\\_HB05\\_20224\\_HAsil 1 KEPENTINGAN.pdf](#)



## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

Perkongsian kepakaran alumni dalam webinar DOPP Learning Series 3: Hospital & Community Pharmacy Practice

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pembangunan universiti memerlukan sokongan para alumni sebagai aset penting universiti. Menyedari kelebihan luar biasa untuk mengintegrasikan urusan akademik, hal ehwal pelajar, pembangunan fizikal universiti dengan jaringan alumni, FF sentiasa menyuburkan libaturus FF dan pembelajaran berterusan bersama alumni. Hal ini terbukti dengan beberapa projek sinergi melibatkan kebajikan pelajar, promosi kemasukan pelajar baru, pembangunan akademik melalui sumbangan tunai mahupun tenaga pakar. Antara program-program yang TELAH diadakan dengan penglibatan alumni ialah Finishing School, World Pharmacist Week and virtual OSCE. Selaras dengan pembelajaran berterusan, FF juga TELAH menganjurkan beberapa siri webinar berkenaan praktis hospital dan komuniti farmasi yang disertai dan diteraju oleh para alumni FF sendiri.

Ibarat sirih pulang ke gagang, dua orang alumni, Encik Zulsairi Mohd Pauzi, Pegawai Farmasi Institut Perubatan Respiratori dan Puan Afra Marizan Nor, Pegawai Farmasi Hospital Sg Buloh TELAH berkongsi kepakaran dalam webinar bertajuk DOPP Learning Series 3: Hospital & Community Pharmacy Practices yang berlangsung pada Pada 20-21 Januari 2021.

Program ini bukan sahaja disertai oleh peserta dari universiti dan hospital di Malaysia, malah capaiannya melangkau ke peringkat antarabangsa dengan penyertaan institusi seperti University of Santo Tomas, Bandung Institute of Technology dan, Universitas Gadjah Mada. Seramai 60 orang peserta antarabangsa hadir pada hari pertama dan 20 pada hari kedua. Hasil maklum balas peserta webinar adalah menggalakkan dan ramai di antara mereka melaporkan webinar yang telah dijalankan mempunyai pengisian bermaklumat, barisan penceramah yang hebat, teratur dan masa yang cukup untuk sesi soal jawab.

Secara amnya, program ini memudahkan pemindahan pengetahuan dan perkongsian kepakaran, disamping memupuk hubungan erat dikalangan universiti dan hospital yang terlibat. Program siri sebelumnya menjemput penceramah luar yang tidak kurang hebatnya. Namun, kehadiran alumni FF sendiri pada siri ini membawa bersama contoh teladan yang berkesan dan lebih mudah diterima oleh pelajar. Kehadiran alumni FF membawa bersama kredibiliti dan pengalaman sebagai sebahagian daripada warga FF yang TELAH menempa kejayaan dalam kerjaya mereka setelah melalui cabaran yang serupa dilalui oleh para pelajar.

Justeru, FF sentiasa memberikan peluang dan ruang bagi merencanakan lagi program-program bersama alumni. Tren positif dapat dilihat di mana dalam tempoh masa 2018 hingga 2021 terdapat peningkatan dari segi bilangan program dan jumlah alumni yang terlibat sebagai narasumber dalam sesi perkongsian kepakaran. Kehadiran alumni sebegini dapat membantu memperkukuhkan lagi keyakinan, menyalurkan semangat dan menyuburkan kelangsungan budaya positif yang TELAH disemai FF kepada generasi pelajarnya.

#### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_F0046\\_HB02\\_20221\\_HASIL\\_UTAMA\\_2 - TAHAP2.pdf](#)

#### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_F0046\\_HB03\\_20222\\_HASIL\\_UTAMA\\_2 - TREN.pdf](#)

#### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_F0046\\_HB04\\_20223\\_HASIL\\_UTAMA\\_2 - PERBANDINGAN\\_TANDA ARAS.pdf](#)

#### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_F0046\\_HB05\\_20224\\_HASIL\\_UTAMA\\_2 - KEPENTINGAN.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

*Virtual IBRO-APRC Associate School of Neuroscience UiTM 2021*

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Tanggungjawab sosial university (USR) adalah sebahagian daripada kurikulum akademik dan aktiviti penyelidikan arus perdana universiti. Impak USR kepada komuniti menjadi kayu ukur kecemerlangan akademik dan pencapaian penyelidikan sesebuah universiti. Program-program USR FF telah dilaksanakan sebagai program mapan jangka panjang berimpak tinggi, dan bukannya aktiviti bermusim. USR dengan perkongsian pintar seperti *Public Health Pharmacy Carnival* (ePHPC), *ePharmacy Outreach* dan (ePharmacore) dan penyelidikan berasas komuniti menghasilkan sinergi antara universiti dan komuniti serta pelbagai manfaat termasuk peningkatan imej korporat, peluasan rangkaian global, dan penjanaan sumbangan kewangan.

Perancangan Pelan Strategik FF Bil. 4 (2016-2020) mensasarkan pembangunan modal insan yang prihatin terhadap keperluan komuniti, memupuk nilai kepimpinan dan membina budaya perkongsian ilmu. Justeru penganjuran IBRO-APRC Associate School of Neuroscience UiTM adalah satu lagi manifestasi keterlibatan modal insan dan perkongsian kepakaran FF dalam komuniti, terutama komuniti penyelidikan tempatan dan luar negara

FF telah menganjurkan IBRO-APRC Associate School of Neuroscience UiTM sejak 2016, kali kedua pada 2018 dan seterusnya 2021. Program berprestij yang disertai para saintis muda tempatan dan luar negara ini telah diadakan pada 2-6 Ogos 2021 secara maya kerana kekangan perjalanan akibat pandemik Covid-19. Bertemakan "Gut Microbiota and the Gut-Brain Connection: There is Science in Gut Feeling After All", program ini telah mendapat biaya dari *International Brain Research Organisation* (IBRO). Matlamat utama program ini adalah bagi memberikan pengalaman pembelajaran dan penyelidikan secara holistik berkaitan kepentingan microbiota pencernaan dan kesihatan otak dikalangan neurosaintis muda Asia Pasifik.

Program ini bukan sahaja dimanfaatkan saintis muda tempatan, malah diperluaskan penyertaannya kepada peserta antarabangsa. Neurosaintis muda dalam program ini berjumlah 30 orang antaranya dari India (21 orang), Malaysia (8 orang) dan Syria (1 orang). Seramai 22 orang penceramah dan fasilitator pakar rujuk bidang neurosains pula dijemput dari pelbagai negara seperti Australia, Canada, Thailand dan USA.

Walaupun FF telah menganjurkan program ini pada tahun 2016 dan 2018, penganjuran program ini pertama kali dilakukan secara maya. Hasil kerjasama erat warga kerja FF dan komuniti neurosaintis tempatan dan antarabangsa, serta sokongan padu dari IBRO, program ini berjaya melakar tempat di hati para peserta. Sekurang-kurangnya, 70% peserta memperakui latihan dan isi kandungan ceramah dan seminar relevan dan memenuhi matlamat program. Hampir keseluruhan peserta berpuas hati dan menyatakan sokongan untuk menyebarkan informasi dan akan menyertai program seperti ini lagi pada masa akan datang.

Muafakat membawa berkat, penganjuran IBRO-APRC Associate School of Neuroscience UiTM 2021 ini telah menjulang FF merangkul tempat pertama bagi projek kolaborasi komuniti bagi penjanaan dana terbaik dalam Anugerah MeTIC 11/2022.

Penganjuran program berimpak tinggi ini yang memperlihatkan komitmen FF dalam memperkukuhkan jalinan kerjasama dengan rakan sinergi, agar dapat mencapai matlamat universiti dalam mensejahterakan masyarakat demi kelangsungan negara.

#### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_F0046\\_HB02\\_20221\\_7.3.2\\_level.pdf](#)

### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_F0046\\_HB03\\_20222\\_7.3.3 trend.pdf](#)

### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_F0046\\_HB04\\_20223\\_7.3.4 Comparison.pdf](#)

### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_F0046\\_HB05\\_20224\\_7.3.5 Importance.pdf](#)